

فتيقن تيته

PETIKAN TITAH

"KITA telah mengisi bulan ini (Rabiulawal) dengan dikir dan selawat di semua masjid, surau dan balai ibadat dan akan mengadakan juga perhimpunan dan perarakan seperti biasa. Semuanya itu adalah dengan niat untuk mensyiarkan Islam selaku agama rasmi negara dan anutan kita." - Titah Sempena Sambutan Maulud Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam 1429 Hijrah / 2008 Masihi.



Membudayakan Masyarakat Bermaklumat

Hujung Minggu

مانيسش ايمان

MANISNYA IMAN

"BERTASBIHLAH memuji nama Tuhanmu Yang Maha Tinggi (jauh daripada sifat kekurangan). Yang telah menciptakan (sekalian makhluk-Nya) dan menyempurnakan penciptaan itu. Dan yang telah menetapkan (keadaan makhluk-makhluk-Nya) serta memberi petunjuk." - Firman Allah Subhanahu Wata'ala dalam Surah al-A'la, ayat 1 - 3.

Waktu Sembahyang

IMSAK

4.41

SUBUH

4.51

SYURUK

6.14

DUHA

6.38

ZUHUR

12.11

ASAR

3.32

MAGHRIB

6.05

ISYAK

7.19

Daerah Belait ditambah 3 Minit dan Daerah Tutong ditambah 1 Minit

TAHUN 62 / BILANGAN 144

2 DISEMBER 2017 / 1439 13 ربيع الأول

JABATAN PENERANGAN

EDISI SABTU / PERCUMA

892 penerima dikurniakan lot tanah dan anak kunci



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddin Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan berangkat ke Majlis Penyempurnaan Penganugerahan Lot-Lot Tanah dan Kunci-Kunci Rumah di bawah Rancangan Perumahan Negara dan Skim Tanah Kurnia Rakyat Jati bagi Daerah Brunei dan Muara di Dewan Plenari, Pusat Persidangan Antarabangsa, Berakas. - Foto : Hari Ariffin Mohd. Noor / Morshidi (Lihat muka 5, 12 dan 13).

Pelantikan, pertukaran pegawai kanan kerajaan

BANDAR SERI BEGAWAN, Khamis, 30 November. - Pada menjunjung titah perintah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddin Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, adalah dengan ini dimaklumkan bahawa Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam telah mengurniakan titah perintah bagi pelantikan Pengarah Eksekutif, Pengarah Perubatan dan Ahli Lembaga Pengarah Jerudong Park Medical Centre, Jerudong, Dato Paduka Dr. Haji Md

Isham bin Jaafar menjadi Menteri Kesihatan, iaitu bagi menggantikan Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Zulkarnain bin Haji Hanafi.

Pada menjunjung titah perintah Kebawah DYMM Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam seterusnya, baginda juga telah mengurniakan titah perintah bagi pelantikan dan pertukaran beberapa orang pegawai kanan seperti berikut :

Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam, Awang Haji Abdul Manap bin Othman dilantik menjadi Setiausaha Tetap Kementerian Kesihatan bagi menggantikan Setiausaha Tetap Kementerian Kesihatan, Awang Haji Zakaria

bin Haji Serudin yang ditukar ke Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan sebagai Pegawai Tugas-Tugas Khas Kanan; Timbalan Setiausaha Tetap Kementerian Kesihatan, Dr. Awang Hazri bin Haji Kifle ditukar ke Kementerian Pendidikan sebagai Pengarah Perancangan, Perkembangan dan Penyelidikan dan Timbalan Setiausaha Tetap Kementerian Kesihatan, Datin Paduka Dr. Dayang Hajah Maslina binti Haji Mohsin ditukar ke Kementerian Hal Ehwal Ugama sebagai Pegawai Tugas-Tugas Khas Kanan.

Pelantikan Menteri Kesihatan dan pelantikan serta pertukaran pegawai-pegawai berkenaan berkuat kuasa mulai Jumaat, 1 Disember 2017.

Jangan gunakan jawatan atau kuasa untuk menzalimi

Oleh : Nooratini Haji Awang Abas, Aimi Sani
Foto : Mohamad Azmi Awang Damit

BANDAR SERI BEGAWAN, Khamis, 30 November. - Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddin Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam bertitah mengingatkan supaya sesiapa jua yang dititipkan dengan jawatan atau kuasa, tidak akan menggunakan jawatan atau kuasa itu untuk menzalimi orang lain.

Kezaliman yang paling dahsyat ialah 'fitnah' : fitnah ke atas orang-orang yang tidak berdosa dan seyogianya diingat, fitnah mestilah dijauhi oleh sesiapa saja yang ingin selamat.

"Beta mahu, Brunei kita mestilah bersih dari sebarang gejala fitnah dan kezaliman. Inilah saja modal kita untuk selamat. Allah Subhanahu Wata'ala pasti memberkati negara dan kerajaan yang adil," titah baginda lagi.

Terdahulu, Kebawah Duli Yang Maha Mulia bertitah mendapati keadilan dicemari oleh pihak-pihak yang tidak bertanggungjawab.

Setengah mereka terlalu kejam, merampas kebahagiaan orang lain dengan kezaliman.

Perbuatan itu dalam titah baginda amatlah terkutuk, hanya menunggu saat sahaja lagi untuk dibalas oleh Allah.

Ke muka 3

IKUTI KAMI DI



infodept.bn



@Infodept_bn



Jabatan Penerangan

Jabatan Perdana Menteri



Muka 6

MESYUARAT persediaan Sambutan Ulang Tahun Hari Kebangsaan Ke-34



Muka 16

PESARA Kementerian Pembangunan diraikan

Pastikan maklumat dikongsikan sah

Bismillahir Rahmanir Rahim
Assalamualaikum Warahmatullahi
Wabarakatuh

ALHAMDULILLAH, bersyukur kita ke hadirat Allah Subhanahu Wata'ala kerana dengan limpah rahmat dan hidayah-Nya jua, kita semua dapat berkumpul di Majlis Pelancaran Wajah Baharu Portal Kementerian Pendidikan pada hari ini.

Terlebih dahulu, saya merakamkan ucapan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih kepada Pengerusi Bersama Majlis di atas ingatan baik menjemput saya hadir selaku tetamu kehormat majlis di petang yang berbahagia ini.

Saya menyambut baik usaha Jabatan Teknologi Maklumat dan Komunikasi dan Unit Perhubungan Awam yang telah mengunkayahkan Wajah Baharu Portal Kementerian Pendidikan. Portal ataupun gateway adalah tempat utama bagi pengguna, apabila mereka tersambung ke laman sesawang dan apabila pengguna cenderung untuk melawat sesuatu tapak.

Dalam dunia digital pada masa ini, kita lebih cenderung pada perolehan maklumat atas talian, atau *information online*, dan di sini portal memainkan peranan yang amat penting untuk menyampaikan maklumat kepada pengguna dan keberadaan organisasi itu di ruang maya. Ia merupakan pintu ataupun laluan yang pertama kepada mereka yang melayari alam maya.

Untuk itu, adalah penting bagi setiap organisasi untuk memastikan kesahihan maklumat yang dikongsikan dan pada masa yang sama, ia sentiasa relevan, memaparkan maklumat yang terkini, mesra pengguna dan menarik bagi kumpulan sasaran.

Sebagai sebuah kementerian yang bertanggungjawab ke atas pendidikan di negara ini, saya berpendapat bahawa Portal Kementerian Pendidikan juga turut berperanan sebagai sebuah portal pembelajaran ataupun *learning portal* yang bukan sahaja diakses setiap masa oleh warga kementerian, khususnya para pemimpin sekolah, guru-guru dan pelajar untuk memperoleh sumber-sumber pengajaran dan pembelajaran, tetapi juga sentiasa diakses oleh ibu bapa, penyidik dan masyarakat awam untuk mengetahui perkembangan pendidikan di negara ini, memberi sumbangan, bantuan dan pendapat bagi sama-sama mempertingkatkan kualiti pendidikan dan meningkatkan pencapaian anak-anak.

Saya difahamkan bahawa wajah baharu portal yang dilancarkan pada



MENTERI Pendidikan, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Indera Pahlawan Dato Seri Setia Awang Haji Suyoi bin Haji Osman semasa berucap pada Majlis Pelancaran Wajah Baharu Portal Kementerian Pendidikan pada Selasa, 4 Safar 1439 Hijrah bersamaan 24 Oktober 2017 Masihi di Dewan Utama, Bangunan Baharu Kementerian Pendidikan, Berakas.

petang ini akan membolehkan pengguna mengakses maklumat Kementerian Pendidikan melalui *interface web* yang baharu, dengan teknologi yang lebih *personalise* dan khusus, mengandungi berbagai ciri dan elemen baharu sebagaimana yang telah dijelaskan oleh Pengerusi Bersama sebentar tadi. Apa yang saya harapkan adalah agar ciri dan elemen baharu ini akan dapat menjelaskan visi dan misi Pelan Strategik Kementerian Pendidikan dan dapat membantu merealisasikan pencapaian Petunjuk Prestasi Utama Kebangsaan di bawah Strategi Pendidikan Wawasan Brunei 2035.

Portal ini bertujuan untuk meningkatkan lagi keberkesanan kaedah penyaluran maklumat mengenai sumber dan bahan pengajaran serta pembelajaran dan memudahkan data-data rasmi diakses dengan cepat dan tepat untuk pengguna. Ke arah ini, jabatan-jabatan yang berkenaan, seperti Jabatan Sekolah-Sekolah, Jabatan Perancangan, Perkembangan dan Penyelidikan dan Unit Perhubungan Awam berperanan penting dalam memberikan perisian yang terkini, dan

sentiasa mereview dan menilai keberkesanan sumber, bahan dan data yang diberikan.

Pengemaskinian portal ini juga akan dapat menyediakan platform kepada pengguna dan orang awam untuk memberi maklum balas yang *constructive* kepada mana jua pihak di kementerian ini melalui saluran rasmi. Saya menyarankan para pengguna dan mereka yang berkepentingan bukan sahaja menyampaikan aduan ataupun isu-isu melalui kemudahan ini, tetapi juga turut mengongsikan penyelesaian ataupun *solutions*, kerana pendidikan adalah tanggungjawab setiap orang.

Pelancaran wajah baharu portal kementerian hari ini juga diharap dapat menyumbang pada transformasi dan peningkatan mutu perkhidmatan Kementerian Pendidikan kepada orang ramai serta meningkatkan imej dan kualiti sistem penyampaian perkhidmatan kerajaan. Ini adalah selaras dengan usaha berterusan kementerian ke arah menyokong inisiatif e-Darussalam yang berlandaskan laman sesawang yang *centralised* bagi membolehkan interaksi yang lebih efisien di antara warganegara melalui kaedah elektronik yang canggih.

Di kesempatan ini, saya menyarankan pada semua warga Kementerian Pendidikan termasuk pihak institusi pendidikan kerajaan dan swasta untuk menggunakan kemudahan ini sepenuhnya sebagai pusat sumber maklumat dan bahan rujukan rasmi Kementerian Pendidikan. Ini adalah untuk memastikan pelaburan kerajaan dapat dimanfaatkan sebaik mungkin dan seterusnya memberi impak yang signifikan terhadap perkembangan dan kemajuan pendidikan Negara Brunei Darussalam.

Bagi mengakhiri ucapan saya di majlis ini, saya sekali lagi ingin merakamkan ucapan tahniah dan setinggi-tinggi penghargaan kepada semua yang terlibat secara langsung dan tidak langsung dalam usaha melahirkan Wajah Baharu Portal Kementerian Pendidikan ini. Semoga usaha murni ini akan mendapat keberkatan dan ganjaran daripada Allah Subhanahu Wata'ala.

Dengan mendahulukan kalimah Bismillahir Rahmanir Rahim saya sukacita merasmikan Pelancaran Wajah Baharu Portal Kementerian Pendidikan.

Sekian, Wabillahir Taufiq Walhidayah Wassalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.

Dari Sidang
Pengarang.

2 DISEMBER 2017 BERSAMAAN 1439 ربيع الأول 13

LAKSANA KEADILAN, JAUHI KEZALIMAN

NABI Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam adalah contoh paling unggul dalam melaksanakan keadilan. Baginda tidak pernah melakukan sebarang kezaliman dan tiada siapapun yang pernah dizalimi oleh Baginda. Semua orang menikmati keadilan daripada Baginda termasuklah golongan Musyrik yang memusuhi Baginda.

Melalui keadilan, maka hati manusia mudah terpijak pada Islam yang dibawa oleh Baginda dalam mengembangkan Islam. Inilah rahsia keadilan apabila ia dilaksanakan. Allah tidak akan menghampakan sesiapa jua yang bekerja untuk keadilan.

Kini, kita biasa mendapati keadilan dicemari oleh pihak-pihak yang tidak bertanggungjawab. Setengah mereka terlalu kejam, merampas kebahagiaan orang lain dengan kezaliman. Perbuatan itu amat terukut dan hanya menunggu saat sahaja lagi untuk dibalas oleh Allah.

Kezaliman biasanya dilakukan oleh pihak-pihak yang kuat atau berkuasa termasuklah dalam dunia pekerjaan atau perkhidmatan. Sesiapa jua yang dititipkan dengan jawatan atau kuasa, supaya tidak akan menggunakan jawatan atau kuasa untuk menzalimi orang lain.

Kezaliman yang paling dahsyat ialah fitnah. Fitnah kepada orang-orang yang tidak berdosa. Fitnah mestilah dijauhi oleh sesiapa sahaja yang ingin selamat. Negara mestilah bersih daripada sebarang gejala fitnah dan kezaliman. Ini saja modal untuk selamat.

Allah Subhanahu Wata'ala pasti memberkati negara dan kerajaan yang adil. Hayatilah keadilan Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam dan jadikanlah ia sumber ilham bagi kita mencontohi Baginda dalam mengamalkan mahupun menjalankan keadilan.

Tidak dinafikan kezaliman pasti ada, kezaliman fitnah begitu juga, dalam kehidupan mahupun dunia perkhidmatan jua, namun jangan biar ia terus berleluasa, setiap kezaliman pasti akan dibalas oleh Allah jua, ingat wahai orang kuat dan berkuasa, jawatan dan kuasa adalah amanah kepada kita.

Jawatan dan kuasa bukan sebagai pegangan selamanya, adakalanya kita akan bersara juga, ingat bahawa jawatan dan kuasa diguna sebijaknya, yang dipertanggungjawab kepada kita, jangan disalah guna mahupun digunakan sewenang-wenangnya.

Mungkin fitnah nampak seperti biasa sahaja, namun apabila berada di situasi yang dikata, pasti azabnya terasa, bukan sekadar mengganggu akal dan minda, tetapi juga pertimbangan di antara realiti atau nyata.

Luahan hanya sekadar kata, bukan ingin menabur fitnah segala, tetapi sekadar peringatan pada diri sebagai hamba Allah yang lemah jua, sebagai peringatan dengan amanah yang dibawa, sebagai rujukan pada nasihat yang pernah dikongsi sama, muhasabah diri kerana Allah jua, ikhlaskan hati tabahkan jiwa, teruskan menggalas tanggungjawab yang diamanahkan kepada kita, ikhlas kerana Allah dan mengharap keredaan-Nya jua.

Nabi Muhammad contoh unggul melaksana keadilan, tidak pernah melakukan kezaliman, semua orang menikmati keadilan, hati manusia terpijak pada Islam melalui keadilan, itulah rahsia keadilan apabila dilaksanakan, sesiapa yang bekerja untuk keadilan pasti Allah tidak akan menghampakan.

- Ketua Penyuntingan (Nb).

RAMALAN CUACA 3 HARI

SABTU	AHAD	ISNIN
BANDAR SERI BEGAWAN		
32 25 °C	33 24 °C	33 25 °C
PEKAN BANGAR		
32 25 °C	32 24 °C	32 25 °C
PEKAN TUTONG		
32 26 °C	33 24 °C	33 25 °C
KUALA BELAIT		
32 25 °C	33 25 °C	33 25 °C

Wallahualam Bissawab
Jabatan Kaji cuaca
Brunei Darussalam
www.met.gov.bn

Talian Cuaca
114

Brunei WX
App

WAKTU SEMBAHYANG

firman Allah Ta'ala dalam Surah Al-Ankabut, ayat 45, bermaksud:
"...dan dirikanlah sembahyang sesungguhnya sembahyang itu mencegah daripada fasya' dan mungkar."

Masihi DISEMBER	HARI	Hijrah RABIULAWAL	IMSAK	SUBUH	SYURUK	DUHA	ZUHUR	ASAR	MAGHRIB	ISYAK
2	SABTU	13	4.41	4.51	6.14	6.38	12.11	3.32	6.05	7.19
3	AHAD	14	4.41	4.51	6.14	6.38	12.11	3.33	6.06	7.20
4	ISNIN	15	4.42	4.52	6.15	6.39	12.11	3.33	6.06	7.20
5	SELASA	16	4.42	4.52	6.15	6.39	12.12	3.34	6.06	7.21
6	RABU	17	4.43	4.53	6.16	6.40	12.12	3.34	6.07	7.21
7	KHAMIS	18	4.43	4.53	6.16	6.40	12.13	3.34	6.07	7.21
8	JUMAAT	19	4.43	4.53	6.17	6.41	12.13	3.35	6.07	7.22

Daerah Brunei Muara & Temburong. Peringatan: Waktu-waktu sembahyang bagi Daerah Tutong ditambah 1 minit dan Daerah Belait ditambah 3 minit

TALIAN KECEMASAN 991 | **POLIS** 993 | **BOMBA** 995 | **PENYELAMAT** 998

(Talian Darussalam) JABATAN PERKHIDMATAN ELEKTRIK
JABATAN PENGANGKUTAN DARAT.
KEMENTERIAN PEMBANGUNAN DAN e-darussalam
123

NDMC
2380214

Jangan gunakan jawatan atau kuasa untuk menzalimi

Oleh : Nooratini Haji Awang Abas,
Aimi Sani

Foto : Mohamad Azmi Awang Damit

Dari muka 1

"Di Negara Brunei Darussalam, kita tidak membenarkan kezaliman berlaku. Kita pantangkan ia berlaku. Sesungguhnya di bumi bertuah ini, kezaliman tidak ada tempat untuknya, ia adalah musuh kita. Kita tidak mampu untuk berkompromi dengannya," titahnya lagi.

Kezaliman jelas titah baginda, biasanya dilakukan oleh pihak-pihak yang kuat atau berkuasa termasuklah dalam dunia pekerjaan atau perkhidmatan.

"Kerana itu, beta berkewajipan untuk mengingatkan supaya sesiapa jua yang dititipkan dengan jawatan atau kuasa, tidak akan menggunakan jawatan atau kuasa itu untuk menzalimi orang lain," baginda bertitah.

Kebawah DYMM bertitah demikian pada Titah Perutusan baginda sempena Sambutan Maulud Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam Tahun 1439 Hijrah / 2017 Masihi yang berlangsung di Istana Nurul Iman.

Jelas titah baginda, Sambutan Maulud Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam adalah salah satu perayaan yang tidak akan dilupakan untuk diperingati di negara ini.

Justeru itu, baginda bertitah mengingatkan supaya sebarang usaha untuk mempertikai atau memperkecilkan perayaan ini, eloklah ia dari awal-awal lagi ditangani dengan akta, bukan setakat dengan nasihat atau dakwah sahaja.

"Tidaklah perlu untuk mengumpul sehingga banyak bukti mengenai orang-orang yang menolak tahlil, menolak talqin, menolak perayaan Maulid Ar-Rasul, menolak mengaminkan doa imam dan lain-lain. Yang penting ialah perkara ini memang sudah berlaku. Kalau kita di tempat kita ini, ia mungkin hanya kadang-kadang berlaku, tetapi di setengah tempat lain perkara ini sudahpun jadi tengkarah yang lumrah," baginda bertitah.

Dari itu, menurut titah baginda adalah wajar untuk kita berwaspada. Jadi, menggubal akta mengenainya memanglah sesuai sekurang-kurangnya sebagai persiapan kita untuk menghadapinya.



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan mengurniakan Titah Perutusan sempena Sambutan Maulud Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam Tahun 1439 Hijrah / 2017 Masihi yang berlangsung di Istana Nurul Iman.

Menyentuh mengenai tema sambutan Maulud Nabi pada tahun ini, iaitu 'Rasulullah : Qudwah Kepimpinan Yang Adil', Kebawah DYMM bertitah, Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam adalah contoh ikutan yang paling unggul melaksanakan keadilan.

Dalam titah baginda, Rasulullah tidak pernah melakukan sebarang kezaliman sehingga pernah bersabda maksudnya : "Sekiranya Fatimah binti Muhammad mencuri, nescaya aku akan potong juga tangannya."

Inilah titah Kebawah DYMM gambaran

keadilan Rasulullah yang mana dalam sejarah, tiada siapapun yang pernah dizalimi oleh Baginda kerana semua orang menikmati keadilan daripada Baginda walaupun golongan Musyrik yang memusuhi Baginda.

"Inilah makanya usaha Baginda mengembangkan Islam sangat berjaya kerana melalui keadilan itu, hati manusia mudah terpicat kepada Islam yang dibawa oleh Baginda. Inilah rahsia keadilan apabila ia dilaksanakan. Allah tidak akan menghampakan sesiapa jua yang bekerja untuk keadilan," ujar baginda.

Bersempena dengan memperingati Maulid Ar-Rasul Sallallahu Alaihi Wasallam pada tahun ini Baginda menyeru agar kita sama-sama memasang azam untuk benar-benar menghayati tema sambutan tentang keadilan Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam.

Biarlah tema itu tambah titah baginda, tidak hanya dibaca atau disebut sahaja, tetapi yang penting menjadikannya sumber ilham bagi kita untuk mencontohi Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam dalam perkara mengamal dan menjalankan keadilan itu.

INTI SARI TITAH

- Negara Brunei Darussalam tidak membenarkan kezaliman berlaku dan ia musuh negara.
- Jangan menggunakan jawatan atau kuasa untuk menzalimi orang lain.
- Negara mesti bersih daripada sebarang gejala fitnah dan kezaliman.
- Rahsia keadilan apabila dilaksanakan, Allah tidak akan menghampakan sesiapa yang bekerja untuk keadilan.
- Tangani dengan akta bagi sebarang usaha mempertikai perayaan Maulud Nabi Sallallahu Alaihi Wasallam.
- Contohi Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam dalam mengamal dan menjalankan keadilan.

"KERANA itu, beta berkewajipan untuk mengingatkan supaya sesiapa jua yang dititipkan dengan jawatan atau kuasa, tidak akan menggunakan jawatan atau kuasa itu untuk menzalimi orang lain," baginda bertitah.

Berkenan hantar perutusan tahniah sempena Hari Kebangsaan Emiriah Arab Bersatu



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan menghantar titah-titah perutusan tahniah kepada His Highness Sheikh Khalifa bin Zayed Al-Nahyan, Presiden Emiriah Arab Bersatu dan Pemerintah Abu Dhabi, Emiriah Arab Bersatu, dan kepada His Highness Sheikh Mohammed bin Rashid Al-Maktoum, Naib Presiden, Perdana Menteri, Pemerintah Dubai dan Menteri Pertahanan, Emiriah Arab Bersatu sempena Hari Kebangsaan Emiriah Arab Bersatu.

BANDAR SERI BEGAWAN, Sabtu, 2 Disember. - Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam

telah berkenan menghantar titah-titah perutusan tahniah kepada His Highness Sheikh Khalifa bin Zayed Al-Nahyan, Presiden Emiriah Arab Bersatu dan Pemerintah Abu Dhabi, Emiriah Arab Bersatu, dan kepada His Highness Sheikh Mohammed bin Rashid Al-Maktoum, Naib Presiden, Perdana

Menteri, Pemerintah Dubai dan Menteri Pertahanan, Emiriah Arab Bersatu dan kepada ahli kerabat diraja serta kerajaan dan rakyat Emiriah Arab Bersatu sempena menyambut Hari Kebangsaan Emiriah Arab Bersatu.

Dalam titah perutusan Kebawah Duli Yang Maha Mulia kepada His Highness

Sheikh Khalifa bin Zayed Al-Nahyan, Presiden Emiriah Arab Bersatu dan Pemerintah Abu Dhabi, Emiriah Arab Bersatu, baginda amat menghargai perhubungan dan persaudaraan yang akrab yang dinikmati oleh kedua-dua buah negara dan rakyat masing-masing dan seterusnya berharap dapat mengukuhkan persahabatan yang sangat bernilai ini demi memperkembangkan kerjasama yang sedia ada di tahun-tahun mendatang.

Sementara itu, dalam titah perutusan yang sama kepada His Highness Sheikh Mohammed bin Rashid Al-Maktoum, Naib Presiden, Perdana Menteri, Pemerintah Dubai dan Menteri Pertahanan, Emiriah Arab Bersatu, baginda amat berpuas hati dengan persahabatan yang muhibah yang sekian lama dinikmati dan berharap akan terus dapat memperkukuhkan kerjasama tersebut di tahun-tahun mendatang.

Baginda mengakhiri titah-titah perutusan baginda itu dengan berdoa semoga Allah Subhanahu Wata'ala mengurniakan kepada His Highness Sheikh Khalifa bin Zayed Al-Nahyan, Presiden Emiriah Arab Bersatu dan Pemerintah Abu Dhabi, Emiriah Arab Bersatu, dan kepada His Highness Sheikh Mohammed bin Rashid Al-Maktoum, Naib Presiden, Perdana Menteri, Pemerintah Dubai dan Menteri Pertahanan, Emiriah Arab Bersatu kesihatan dan kebahagiaan yang berterusan serta rakyat Emiriah Arab Bersatu terus menikmati kemajuan dan kemakmuran yang berpanjangan.

Hubungan persahabatan Brunei - Lao kukuh



persahabatan yang akrab. Baginda seterusnya berharap akan dapat bekerja dengan TYT pada mengukuhkan lagi pertalian yang sangat berharga dan penting ini lebih-lebih lagi apabila kedua-dua negara akan menyambut 25 tahun penubuhan hubungan diplomatik pada tahun hadapan.

Sementara itu, dalam titah perutusan yang sama kepada Perdana Menteri Republik Demokratik Rakyat Lao, TYT Dr. Thongloun Sisoulith, baginda menyatakan bahawa tahun hadapan adalah waktu yang sesuai bagi Negara Brunei Darussalam dan Republik Demokratik Rakyat Lao melihat kembali pencapaian dan meneroka bidang kerjasama baharu apabila kedua-dua buah negara menyambut Ulang Tahun yang Ke-25 Penubuhan Hubungan Diplomatik. Baginda seterusnya berharap dapat terus bekerja dengan TYT bagi meningkatkan jalinan hubungan yang sangat bernilai di peringkat dua hala dan serantau demi kepentingan kedua-dua buah negara dan rakyat masing-masing.

Pada mengakhiri titah-titah perutusan tersebut, baginda berharap semoga Presiden Republik Demokratik Rakyat Lao, TYT Bounnhang Vorachith dan juga Perdana Menteri Republik Demokratik Rakyat Lao, TYT Dr. Thongloun Sisoulith akan sentiasa berada dalam kesihatan dan kegembiraan yang berterusan serta rakyat Republik Demokratik Rakyat Lao akan terus menikmati kemakmuran yang berpanjangan.

KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan menghantar titah-titah perutusan tahniah kepada Presiden Republik Demokratik Rakyat Lao, Tuan Yang Terutama Bounnhang Vorachith dan Perdana Menteri Republik Demokratik Rakyat Lao, Tuan Yang Terutama Dr. Thongloun Sisoulith sempena dengan Hari Kebangsaan Republik Demokratik Rakyat Lao Ke-42.

BANDAR SERI BEGAWAN, Sabtu, 2 Disember. - Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam telah berkenan menghantar

titah-titah perutusan tahniah kepada Presiden Republik Demokratik Rakyat Lao, Tuan Yang Terutama Bounnhang Vorachith dan Perdana Menteri Republik Demokratik Rakyat Lao, Tuan Yang Terutama Dr. Thongloun Sisoulith serta kerajaan dan rakyat Republik Demokratik Rakyat Lao sempena dengan Hari

Kebangsaannya Ke-42.

Di dalam titah perutusan Kebawah Duli Yang Maha Mulia kepada Presiden Republik Demokratik Rakyat Lao, TYT Bounnhang Vorachith, baginda menyatakan bahawa Negara Brunei Darussalam dan Republik Demokratik Rakyat Lao telah menikmati perhubungan

Sentiasa memelihara keharmonian bernegara



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan berangkat ke Majlis Penyempurnaan Penganugerahan Lot-Lot Tanah dan Kunci-Kunci Rumah di bawah Rancangan Perumahan Negara (RPN) dan Skim Tanah Kurnia Rakyat Jati (STKRJ) bagi Daerah Brunei dan Muara (DBM) di Dewan Plenari, Pusat Persidangan Antarabangsa, Berakas.

Oleh : Marlinawaty Hussin

Foto : Mohamad Azmi Awang Damit, Haji Ariffin Mohd. Noor / Morshidi, Hamzah Mohidin, Mohd. Sahrizal Haji Said, Pg. Amirulnizam Pg. Haji Mohd. Ali, Azmah Haji Ahad

BANDAR SERI BEGAWAN, Rabu, 29 November. - Semua penerima di bawah Rancangan Perumahan Negara (RPN) dan Skim Tanah Kurnia Rakyat Jati (STKRJ) bagi Daerah Brunei dan Muara (DBM) di Dewan Plenari, Pusat Persidangan Antarabangsa, Berakas.

bernegara, mewujudkan perpaduan dan semangat kejiranan, kesejahteraan dan kemakmuran dalam suasana yang aman dan saling hormat-menghormati.

Di samping itu, mereka juga diharap agar sentiasa menghormati dan mematuhi kesemua persyaratan yang telah digariskan oleh Jabatan

Kemajuan Perumahan, Kementerian Pembangunan.

Pegawai Daerah Brunei dan Muara (DBM), Awang Misle bin Haji Abdul Karim menekankan perkara tersebut dalam sembah alu-aluan pada Majlis Penyempurnaan Penganugerahan Lot-Lot Tanah dan Kunci-Kunci Rumah di bawah RPN dan Skim Tanah Kurnia Rakyat Jati (STKRJ) bagi DBM di Dewan Plenari, Pusat Persidangan Antarabangsa, Berakas.

Terdahulu, beliau menyebarkan bahawa keberangkatan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam ke majlis berkenaan merupakan satu anugerah serta penghormatan yang amat tinggi nilainya.

Sembah beliau, kurnia penganugerahan itu mencerminkan sikap keprihatinan, pemedulian serta

rasa kasih sayang Kebawah Duli Yang Maha Mulia terhadap rakyat baginda yang bernaung di bumi Brunei Darussalam yang bertuah.

Awang Misle semasa sembah alu-aluan itu turut mewakili para penerima dalam merakamkan sembah tahniah sempena Sambutan Jubli Emas Kebawah DYMM Menaiki Takhta serta menjunjung kasih yang setinggi-tingginya ke hadapan majlis Kebawah DYMM di atas nikmat serta limpah kurnia anugerah.

Seramai 892 penerima menjunjung Kurnia Penganugerahan Lot-Lot Tanah dan Kunci-Kunci Rumah ke hadapan majlis Kebawah DYMM.



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan menerima junjung ziarah ketika berangkat ke Majlis Penyempurnaan Penganugerahan Lot-Lot Tanah dan Kunci-Kunci Rumah di bawah RPN dan STKRJ bagi DBM (kiri), sementara gambar kanan, Pegawai DBM, Awang Misle bin Haji Abdul Karim semasa menyampaikan sembah alu-aluan.



SEBAHAGIAN penerima lot-lot tanah dan kunci-kunci rumah di bawah RPN dan STKRJ bagi DBM (kiri dan kanan).

Selamat meluaran seorang puteri



BANDAR SERI BEGAWAN, Jumaat, 1 Disember. - Pada menjunjung titah perintah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, Pejabat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dengan ini memaklumkan bahawasanya Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Isteri Pengiran Anak Sarah

binti Pengiran Haji Salleh Ab. Rahaman, isteri kepada Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, dengan izin Allah, telah selamat meluaran seorang puteri pada Jumaat, 12 Rabiulawal 1439 Hijrah bersamaan 1 Disember 2017 Masihi, jam 3.54 petang.

Sempena dengan meluaran ini, sebanyak 19 das tembakan meriam telah dilepaskan di pekarangan Istana Nurul Iman.

ISTERI kepada Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Isteri Pengiran Anak Sarah binti Pengiran Haji Salleh Ab. Rahaman dengan izin Allah, telah selamat meluaran seorang puteri pada Jumaat, 12 Rabiulawal 1439 Hijrah bersamaan 1 Disember 2017 Masihi, jam 3.54 petang.

Mesyuarat persediaan Sambutan Ulang Tahun Hari Kebangsaan Ke-34



MENTERI Kebudayaan, Belia dan Sukan, Yang Berhormat Pehin Datu Lailaraja Mejar Jeneral (B) Dato Paduka Seri Haji Awang Halbi bin Haji Mohd. Yussof (tengah) semasa mempengerusikan Mesyuarat Kedua Jawatankuasa Tertinggi Sambutan Ulang Tahun Hari Kebangsaan Negara Brunei Darussalam Ke-34, Tahun 2018. Berangkat dan hadir sama ialah Yang Di-Pertua Adat Istiadat Negara, Yang Amat Mulia Pengiran Lela Cheteria Sahibun Najabah Pengiran Anak Haji Abdul Aziz bin Pengiran Jaya Negara Pengiran Haji Abu Bakar dan Grand Chamberlain, Yang Amat Mulia Pengiran Penggawa Laila Bentara Istiadat Diraja Dalam Istana Pengiran Haji Alauddin bin Pengiran Paduka Tuan Pengiran Haji Abu Bakar.

Siaran Akhbar Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan
Foto : Azmah Haji Ahad

BANDAR SERI BEGAWAN, Khamis, 30 November 2017. - Mesyuarat Kedua Jawatankuasa Tertinggi Sambutan Ulang Tahun Hari Kebangsaan Negara Brunei

Darussalam Ke-34, Tahun 2018, adalah sebagai mesyuarat susulan bagi membincangkan persediaan Sambutan Ulang Tahun Hari Kebangsaan Negara Brunei

Darussalam Ke-34, Tahun 2018 dan memutuskan perkara-perkara yang memerlukan pertimbangan serta ketetapan ke arah kesempurnaan sambutan berkenaan.

Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, Yang Berhormat Pehin Datu Lailaraja Mejar Jeneral (B) Dato Paduka Seri Haji Awang Halbi bin Haji Mohd. Yussof berucap demikian semasa mempengerusikan mesyuarat di Dewan Digadong, Bangunan Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan (KKBS).

Menurut Siaran Akhbar KKBS, Yang Berhormat juga memberi kepercayaan dan keyakinan kepada semua ahli dengan percambahan fikiran, pengetahuan, pengalaman dan kebijaksanaan di dalam pengendalian acara seumpama ini di tahun-tahun yang sudah akan dapat lagi memperkasakan persediaan dalam menyambut Sambutan Ulang Tahun Hari Kebangsaan Negara Brunei Darussalam Ke-34, Tahun 2018 nanti.

Menurutnya, hanya tinggal 85 hari sahaja lagi negara akan merayakan sambutan tersebut

tahun hadapan.

Justeru itu, tanggungjawab dan peranan semua ahli untuk terus berganding bahu serta bekerjasama tegasnya, adalah amat penting bagi memastikan sambutan tersebut nanti dapat berjalan dengan lancar, teratur juga sempurna seperti yang dirancang dan dihasratkan.

Agenda mesyuarat adalah membincangkan mengenai tema dan logo sambutan, Upacara Perhimpunan Agung termasuk konsep persembahan, Majlis Doa Kesyukuran, Upacara Menaikkan dan Menurunkan Bendera Besar Negara Brunei Darussalam termasuk Majlis Pengagihan Bendera Kecil Meja juga Program Semarak Pengibaran Bendera serta membincangkan perisian buku program sambutan tersebut.

Mesyuarat Kedua Jawatankuasa Tertinggi sambutan itu turut diselenggarakan dengan sesi bergambar ramai bersama semua Ahli Jawatankuasa Tertinggi Sambutan Ulang Tahun Hari Kebangsaan Negara Brunei Darussalam Ke-34, Tahun 2018.

Berangkat dan hadir sama ialah Yang Di-Pertua Adat Istiadat Negara, Yang Amat Mulia Pengiran Lela Cheteria Sahibun

Najabah Pengiran Anak Haji Abdul Aziz bin Pengiran Jaya Negara Pengiran Haji Abu Bakar; Grand Chamberlain, Yang Amat Mulia Pengiran Penggawa Laila Bentara Istiadat Diraja Dalam Istana Pengiran Haji Alauddin bin Pengiran Paduka Tuan Pengiran Haji Abu Bakar; Pengetua Pusat Sejarah Brunei, Yang Berhormat Pehin Jawatan Dalam Seri Maharaja Dato Seri Utama Dr. Haji Awang Mohd. Jamil Al-Sufri bin Begawan Pehin Udana Khatib Dato Seri Paduka Haji Awang Umar; Timbalan Menteri Pendidikan, Yang Mulia Pengiran Dato Seri Paduka Haji Bahrom bin Pengiran Haji Bahar; Timbalan Menteri Hal Ehwal Ugama, Yang Mulia Dato Seri Paduka Awang Haji Abdul Mokti bin Haji Mohd. Daud; Pemerintah Angkatan Bersenjata Diraja Brunei, Yang Dimuliakan Pehin Datu Pekerma Jaya Mejar Jeneral Dato Paduka Seri Awang Mohd. Tawih bin Abdullah, Setiausaha-Setiausaha Tetap dan Timbalan-Timbalan Setiausaha Tetap, ahli-ahli dan wakil ahli Jawatankuasa Tertinggi Sambutan Ulang Tahun Hari Kebangsaan Negara Brunei Darussalam Ke-34, Tahun 2018.



AHLI Jawatankuasa Tertinggi Sambutan Ulang Tahun Hari Kebangsaan Negara Brunei Darussalam Ke-34, Tahun 2018 ketika sesi bergambar ramai.

Dikir Semarak Maulidur Rasul Sallallahu Alaihi Wasallam

Kementerian Pendidikan

Oleh : Dk. Siti Redzaimi Pg. Haji Ahmad
Foto : Ihsan Kementerian Pendidikan

BANDAR SERI BEGAWAN, Rabu, 29 November. - Rombongan dikir Kementerian Pendidikan meneruskan Majlis Berdikir sempena Sambutan Maulud Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam 1439 Hijrah / 2017 Masihi di Jame' 'Asr Hassani Bolkih, Kampung Kiarong.

Majlis tersebut merupakan aktiviti tahunan Kementerian Pendidikan yang mana pada tahun ini majlis tersebut dikendalikan oleh Jabatan Peperiksaan dengan kerjasama Jabatan Teknologi Maklumat dan Komunikasi.

Rombongan Kementerian Pendidikan diketuai oleh Menteri Pendidikan, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Indera Pahlawan Dato Seri Setia Awang Haji Suyoi bin Haji Osman.

Juga hadir, Timbalan Menteri Pendidikan, Yang Mulia Pengiran Dato Seri Paduka Haji Bahrom bin

Pengiran Haji Bahar.

Majlis dimulakan dengan Sembahyang Fardu Maghrib Berjemaah, diikuti dengan bacaan Surah Al-Fatihah beramai-ramai yang dipimpin oleh imam masjid berkenaan, Yang Dimuliakan Begawan Pehin Khatib Dato Paduka Haji Mat Jaya bin Haji Ibrahim dan disusuli dengan bacaan Dikir Syarafil Anam.

Majlis diteruskan dengan Sembahyang Fardu Isyak Berjemaah, diikuti dengan Dikir Marhaban dan diakhiri dengan Doa Allah Peliharakan Sultan bagi memberkati majlis.

Antara yang hadir pada majlis ini ialah Rektor Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA), Dr. Awang Haji Norarfan bin Haji Zainal; ketua-ketua jabatan, pegawai-pegawai serta kakitangan dari Kementerian Pendidikan.

Masjid Suri Seri Begawan Raja Pengiran Anak Damit



MENTERI Hal Ehwal Dalam Negeri, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Kerna Dato Seri Setia (Dr.) Haji Awang Abu Bakar bin Haji Apong (tengah) semasa hadir pada Majlis Dikir di Masjid Suri Seri Begawan Raja Pengiran Anak Damit, Kampung Manggis / Madang.

Berita dan Foto : Ak. Syi'aruddin Pg. Dauddin



ROMBONGAN Kementerian Pendidikan diketuai oleh Menteri Pendidikan, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Indera Pahlawan Dato Seri Setia Awang Haji Suyoi bin Haji Osman (tiga, kiri).

Jabatan Perdana Menteri

Oleh : Marlinawaty Hussin
Foto : Mohd. Zul-Izzi Duraman

BANDAR SERI BEGAWAN, Khamis, 30 November. - Rombongan Jabatan Perdana Menteri (JPM) dan jabatan-jabatan di bawahnya terus mengadakan Majlis Dikir sempena Sambutan Maulud Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam 1439 Hijrah / 2017 Masihi di Masjid Ash-Shaliheen, di sini.

Hadir selaku tetamu kehormat, Timbalan Menteri (Keselamatan dan Media) di JPM, Yang Mulia Dato Seri Paduka Awang Haji Hamdan bin Haji Abu Bakar.

Ia bermula dengan Sembahyang Fardu Maghrib Berjemaah, diikuti dengan bacaan Surah Al-Fatihah

beramai-ramai dan seterusnya bacaan Dikir Syarafil Anam yang dipimpin oleh Imam masjid berkenaan, Awang Ahmad Syafiq bin Haji Osman.

Kemudian diteruskan dengan Sembahyang Fardu Isyak Berjemaah, diikuti dengan Dikir Marhaban dan Doa Allah Peliharakan Sultan.

Ia adalah antara Majlis Dikir Maulud selama 12 malam berturut-turut bagi memperingati Hari Keputeraan Junjungan Besar Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam yang bergema dan diadakan di masjid-masjid, surau-surau dan balai ibadat di seluruh negara.

MANGGIS / MADANG, Rabu, 29 November. - Dikir Maulud selama 12 malam berturut-turut sempena memperingati Hari Keputeraan Junjungan Besar Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam terus bergema di masjid-masjid, surau-surau dan balai ibadat di seluruh negara.

Sehubungan itu, lebih 400 orang terdiri daripada pegawai dan kakitangan Jabatan Imigresen dan Pendaftaran Kebangsaan, Kumpulan Dikir Rancangan Perpindahan Negara Lambak Kanan, Kumpulan Dikir Raudatul Jannah serta Kumpulan Dikir Al-Mukmin menghadiri Majlis Dikir sempena Sambutan Maulud Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam di Masjid Suri Seri Begawan Raja Pengiran Anak

Damit (SSBRPAD), di sini.

Hadir pada majlis tersebut ialah Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Kerna Dato Seri Setia (Dr.) Haji Awang Abu Bakar bin Haji Apong.

Acara dimulakan dengan bacaan Surah Al-Fatihah beramai-ramai, diikuti bacaan Dikir Assalamu'alaika, Dikir Khairuman, Dikir Bishahrin dan Badat serta Dikir Ashrakal bagi menutup bacaan dikir.

Bacaan Doa Dikir dibacakan oleh Imam Masjid SSBRPAD, Awang Haji Jofri bin Haji Abidin, manakala Doa Allah Peliharakan Sultan dan Negara Brunei Darussalam dipimpin oleh Pegawai Hal Ehwal Masjid, Awang Nuzli bin Haji Jumaat.



TIMBALAN Menteri (Keselamatan dan Media) di Jabatan Perdana Menteri, Yang Mulia Dato Seri Paduka Awang Haji Hamdan bin Haji Abu Bakar (kiri) hadir selaku tetamu kehormat pada Majlis Dikir sempena Sambutan Maulud Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam 1439 Hijrah / 2017 Masihi di Masjid Ash-Shaliheen.

Dikir Semarak Maulidur Rasul Sallallahu Alaihi Wasallam

Kementerian Pendidikan



MENTERI Pendidikan, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Indera Pahlawan Dato Seri Setia Awang Haji Suyoi bin Haji Osman (tengah) semasa mengetuai rombongan Kementerian Pendidikan pada Majlis Berdikir di Masjid Kampung Sungai Hanching.

Siaran Akhbar dan Foto : Ihsan Kementerian Pendidikan

SUNGAI HANCHING, Khamis, 30 November. - Majlis-majlis Dikir sempena Sambutan Maulid Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam 1439 Hijrah / 2017 Masihi terus bergema di masjid-masjid, surau-surau dan balai-balai ibadat seluruh negara.

Rombongan dari Kementerian Pendidikan meneruskan lagi Majlis Berdikir bertempat di Masjid Kampung Sungai Hanching, di sini.

Rombongan Kementerian Pendidikan diketuai oleh Menteri Pendidikan, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Indera Pahlawan Dato Seri Setia Awang Haji Suyoi bin Haji Osman.

Juga hadir, Timbalan Menteri Pendidikan, Yang Mulia Pengiran Dato Seri Paduka Haji Bahrom bin Pengiran Haji Bahar; ketua-ketua jabatan, pegawai-pegawai serta kakitangan dari Kementerian Pendidikan.

Majlis dimulakan dengan Sembahyang Fardu Maghrib Berjemaah, diikuti dengan bacaan

Surah Al-Fatihah beramai-ramai yang dipimpin oleh Yang Berhormat Menteri Pendidikan dan diikuti dengan bacaan Dikir Syarafil Anam.

Majlis diteruskan dengan Sembahyang Fardu Isyak Berjemaah, diikuti dengan Dikir Marhaban dan diakhiri dengan Doa Allah Peliharakan Sultan bagi memberkati majlis.

Majlis Dikir ke masjid-masjid ini antara lain bertujuan untuk menggalakkan warga Kementerian Pendidikan untuk terus bersalawat dan memuji Junjungan Besar Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam, di samping menunjukkan rasa kasih sayang terhadap jasa-jasa Baginda yang telah memancarkan cahaya dan roh Islam kepada umat Islam.

Majlis tersebut merupakan aktiviti tahunan Kementerian Pendidikan dan pada tahun ini majlis dikendalikan oleh Jabatan Peperiksaan dengan kerjasama Jabatan Teknologi Maklumat dan Komunikasi.



TIMBALAN Menteri Hal Ehwal Ugama, Yang Mulia Dato Seri Paduka Awang Haji Abdul Mokti bin Haji Mohd. Daud (empat, kiri) hadir selaku tetamu kehormat pada Majlis Dikir di Masjid Mohammad Jamalul Alam, Kuala Belait.

Kementerian Hal Ehwal Ugama

Berita dan Foto :
Noraisah Haji Muhammed

KUALA BELAIT, Rabu, 29 November. - Antara ganjaran yang akan diperolehi oleh orang yang sentiasa bersalawat ialah sebagaimana dalam sebuah hadis yang diriwayatkan oleh Imam Muslim daripada Abu Hurairah Radiallahuanhu bahawa sesungguhnya Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam bersabda, "Sesiapa mengucapkan selawat kepadaku, Allah Subhanahu Wata'ala bersalawat (memberi rahmat) kepadanya 10 kali."

Selain untuk memeriahkan dan memperingati Hari Keputeraan Junjungan Besar kita Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam, Majlis Dikir di masjid-masjid dan surau dan balai ibadat seluruh negara adalah bagi mendapatkan keberkatan dan rahmat daripada Allah Subhanahu Wata'ala, selain memupuk kesedaran dan keinsafan umat Islam dalam mengenang jasa dan pengorbanan Baginda Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam dalam menyebarkan agama Islam.

Dalam kesempatan itu,

rombongan Kementerian Hal Ehwal Ugama (KHEU) meneruskan lagi Majlis Ihya Maulidur Rasul dengan mengunjungi Masjid Mohammad Jamalul Alam, Kuala Belait.

Hadir selaku tetamu kehormat majlis, Timbalan Menteri Hal Ehwal Ugama, Yang Mulia Dato Seri Paduka Awang Haji Abdul Mokti bin Haji Mohd. Daud.

Juga hadir, Ahli Majlis Mesyuarat Negara, Yang Berhormat Awang Haji Abdul Hamid bin Haji Mumin, Penghulu Mukim Liang; Setiausaha Tetap KHEU, Dato Seri Setia Awang Haji Abdul Aziz bin Orang Kaya Maharaja Lela Haji Mohd. Yusof; Timbalan Setiausaha Tetap (Pentadbiran dan Kewangan) KHEU, Awang Roslan bin Haji Taja'ah dan Pemangku Timbalan Setiausaha Tetap (Dasar dan Keagamaan) KHEU, Awang Haji Serudin bin Haji Timbang.

Rombongan KHEU seterusnya akan berkunjung ke Masjid Omar 'Ali Saifuddin yang diselajarkan dengan Majlis Penutup Dikir, iaitu pada Jumaat, 1 Disember 2017 bermula selepas Sembahyang Fardu Isyak Berjemaah.

Jabatan Perdana Menteri

Oleh : Aimi Sani
Foto : Mohd. Zul-Izzi
Haji Duraman

BANDAR SERI BEGAWAN, Rabu, 29 November. - Jabatan Perdana Menteri (JPM) dan jabatan-jabatan di bawahnya hari ini meneruskan lagi Majlis Dikir sempena Sambutan Maulid Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam bertempat di Masjid Mohamed Bolkiah, Kampung

Serusop, di sini.

Rombongan dikir JPM itu dihadiri oleh Setiausaha Tetap di JPM, Awang Haji Kamaludin bin Haji Bungsu.

Majlis dimulakan dengan Sembahyang Fardu Maghrib Berjemaah diikuti dengan bacaan Surah Al-Fatihah beramai-ramai dan bacaan Dikir Assalaamualaika serta Dikir Badat Lana.

Acara diteruskan dengan Sembahyang Fardu Isyak Berjemaah, Dikir Marhaban,

Doa Dikir dan diakhiri dengan Doa Selamat.

Majlis tersebut bertujuan untuk menggalakkan warga JPM dan jabatan-jabatan di bawahnya untuk terus bersalawat dan memuji Junjungan Besar Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam, di samping menunjukkan rasa cinta dan kasih terhadap jasa-jasa Baginda Rasulullah yang telah memancarkan cahaya dan roh Islam kepada umatnya.



SETIAUSAHA Tetap di Jabatan Perdana Menteri, Awang Haji Kamaludin bin Haji Bungsu (dua, kiri) semasa hadir pada Majlis Dikir sempena Sambutan Maulid Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam di Masjid Mohamed Bolkiah, Kampung Serusop.

Dikir Semarak Maulidur Rasul Sallallahu Alaihi Wasallam



MENTERI Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Haji Ali bin Haji Apong (dua, kiri) bersama rombongan semasa hadir pada Majlis Dikir Maulud di Masjid Rashidah Sa'adatul Bolkiah, Kampung Sungai Akar.

BANDAR SERI BEGWAN, Khamis, 30 November. - Rombongan Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan (KSSUP) berkunjung ke Masjid Rashidah Sa'adatul

Bolkiah, Kampung Sungai Akar bagi malam terakhir Dikir Maulud ke masjid-masjid bagi

Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan

Siaran Akhbar :
Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan
Foto : Muhammad Asri Haji Awang Abas

Tahun 1439 Hijrah / 2017 Masihi. Hadir bersama rombongan KSSUP ialah Menteri Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Haji Ali bin Haji Apong.

Juga hadir ialah Setiausaha Tetap, Dr. Awang Haji Abdul Manaf bin Haji Metussin; Timbalan Setiausaha Tetap (Pelancongan), Awang Wardi bin Haji Mohammad Ali; ketua-ketua jabatan; pegawai-pegawai dan kakitangan dari kementerian berkenaan serta penduduk setempat.

Majlis dimulakan dengan Sembahyang Fardu Maghrib

Berjemaah diikuti dengan bacaan Surah Al-Fatihah beramai-ramai dipimpin oleh Imam masjid berkenaan dan seterusnya bacaan Dikir Syarafil Anam, Marhaban dan Doa Allah Peliharakan Sultan.

Majlis tersebut antara lain bertujuan untuk menggalakkan warga kementerian tersebut untuk terus berselawat dan memuji Junjungan Besar Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam.

Majlis tersebut merupakan aktiviti tahunan KSSUP dan tahun ini dikendalikan oleh Jabatan Pertanian dan Agrimakanan.

Pasukan Polis Diraja Brunei

Oleh : Saerah Haji Abdul Ghani
Foto : Ihsan Polis Diraja Brunei

BANDAR SERI BEGAWAN, Khamis, 30 November. - Majlis-majlis Dikir bagi memperingati kelahiran Junjungan Besar Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam diadakan selama 12 malam berturut-turut di semua masjid, surau dan balai ibadat di seluruh negara.

Schubungan itu, Pasukan Polis Diraja Brunei (PDB) turut mengadakan Majlis Penutup Dikir bagi Tahun 1439 Hijrah / 2017 Masihi di Surau Ibu Pejabat Polis, Gadong, di sini.

Hadir selaku tetamu kehormat, Pesuruhjaya Polis, Dato Paduka Seri Awang Haji Mohd. Jammy

bin Haji Muhd. Shah Al-Islam.

Acara dimulakan dengan Sembahyang Fardu Maghrib Berjemaah diimamkan oleh Imam Surau Ibu Pejabat Polis Gadong, SM 6924 Pengiran Haji Ludin bin Pengiran Haji Mat Tahir.

Majlis diteruskan dengan penutup dikir yang dimulai dengan bacaan Surah Al-Fatihah beramai-ramai dan seterusnya bacaan dikir Assalai, Khairuman, Alham, Bisyahrin dan Badat diikuti dengan bacaan Doa Dikir serta Doa Kesyukuran dan Sembahyang Fardu Isyak Berjemaah diimamkan oleh Imam surau berkenaan.



PESURUHJAYA Polis, Dato Paduka Seri Awang Haji Mohd. Jammy bin Haji Muhd. Shah Al-Islam (tiga, kanan) semasa hadir selaku tetamu kehormat pada Majlis Penutup Dikir bagi Tahun 1439 Hijrah / 2017 Masihi di Surau Ibu Pejabat Polis, Gadong.

Majlis Dikir Maulud PDB dianjurkan bagi mengenang jasa Rasulullah Sallallahu Alaihi

Wasallam dalam memperjuangkan syiar Islam sekali gus menyuntik rasa kecintaan kepada Junjungan

Besar Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam dalam kalangan warga PDB.

Kementerian Perhubungan

BANDAR SERI BEGAWAN, Jumaat, 1 Disember. - Kementerian Perhubungan dan jabatan-jabatan di bawahnya tidak ketinggalan dalam mengadakan Majlis Penutup Dikir sempena Sambutan Maulud Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam bagi Tahun 1439 Hijrah. Majlis berlangsung di Surau Lapangan Terbang Antarabangsa Brunei.

Hadir pada majlis tersebut ialah Pemangku Setiausaha Tetap Kementerian Perhubungan, Dr. Awang Haji Supry bin Haji Awang Ladi serta ketua-ketua bahagian, pegawai kanan, pegawai dan kakitangan Kementerian Perhubungan serta jabatan di bawahnya.

Majlis diselenggarakan dengan Sembahyang Fardu Maghrib dan Isyak Berjemaah yang diimamkan oleh Pengiran Haji Mohd. Ismail

bin Pengiran Haji Tuah.

Majlis Dikir yang telah berlangsung selama 12 malam tersebut adalah merupakan aktiviti keagamaan yang dikendalikan setiap tahun oleh Kementerian Perhubungan dan jabatan-jabatan di bawahnya dalam sama-sama menyemarakkan lagi Sambutan Maulidur Rasul yang diraikan bagi memperingati Hari Keputeraan Junjungan Besar Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam.

Di samping itu, ia juga bertujuan bagi mengeratkan lagi silaturahim antara pegawai dan kakitangan serta dihasratkan akan menjadi satu aktiviti yang akan dapat meningkatkan amalan serta ganjaran pahala dengan memperbanyakkan berselawat ke atas Junjungan Besar Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam.



PEMANGKU Setiausaha Tetap Kementerian Perhubungan, Dr. Awang Haji Supry bin Haji Awang Ladi (tiga, kanan) semasa hadir pada Majlis Penutup Dikir di Surau Lapangan Terbang Antarabangsa Brunei.

Dikir Maulud 12 malam berturut-turut berakhir

Oleh : Dk. Siti Redzaimi
Pg. Haji Ahmad
Foto : Mohd. Zul-Izzi
Haji Duraman



MENTERI Hal Ehwal Ugama, Yang Berhormat Pehin Udana Khatib Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Badaruddin bin Pengarah Dato Paduka Haji Othman (tiga, kiri) hadir selaku tetamu hormat pada Majlis Penutup Dikir Maulud Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam bagi Kementerian Hal Ehwal Ugama (KHEU) di Masjid Omar 'Ali Saifuddin.

BANDAR SERI BEGAWAN, Jumaat, 1 Disember. - Sempena memperingati Hari Keputeraan Junjungan Besar Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam yang disambut pada 12 Rabiulawal setiap tahun, semua masjid, surau dan balai ibadat di seluruh negara mengadakan Dikir Maulud Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam selama 12 malam berturut-turut mulai dari 1 Rabiulawal 1439 yang lalu.

Majlis Penutup Dikir Maulud Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam bagi Kementerian Hal Ehwal Ugama (KHEU) diadakan di Masjid Omar 'Ali Saifuddin, di sini.

Hadir selaku tetamu kehormat, Menteri Hal Ehwal Ugama, Yang Berhormat Pehin Udana Khatib Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Badaruddin bin Pengarah Dato Paduka Haji Othman yang seterusnya mengepalai bacaan Surah Al-Fatihah.

Dikir Assalamualaika yang dibawakan oleh Kumpulan Dikir Masjid Omar 'Ali Saifuddin, Bandar Seri Begawan dan

Kumpulan Dikir Jabatan Penjara memulakan acara pada malam itu.

Kemudian Dikir Khairuman Nur Muhammad dilaungkan oleh Pejabat Hal Ehwal Masjid (PHEM), Daerah Brunei dan Muara serta Kumpulan Dikir Masjid Mohamed Bolkiah, Kampung Serusop.

Laungan Dikir Bishahrin Rasulullah diteruskan oleh Kumpulan Dikir Kampung Belimbing bersama Kumpulan Dikir Kampung Subok.

Bacaan Dikir Alhamdulillah Allah meneruskan majlis yang dibawakan oleh Kumpulan Dikir

Basmida dan Pasukan Polis Diraja Brunei (PDB).

Laungan dikir seterusnya adalah Dikir Badat Kopi dibawakan sekali lagi oleh Kumpulan Dikir Kampung Belimbing dan Kumpulan Dikir Kampung Subok serta diakhiri dengan Dikir Ashrakal juga sekali lagi dibawakan oleh PHEM, Daerah Brunei dan Muara bersama Kumpulan Dikir Masjid Mohamed Bolkiah, Kampung Serusop.

Sementara itu, Doa Dikir dibacakan oleh Pegawai Masjid, Masjid Omar 'Ali Saifuddin, Mudim Awang Haji Metassim bin Haji Metusin serta Doa Allah

Peliharakan Sultan dan Negara Brunei Darussalam dibacakan oleh Pegawai Masjid, Masjid Omar 'Ali Saifuddin, Yang Dimuliakan Pehin Khatib Dato Paduka Awang Haji Emran bin Haji Kuncang.

Majlis seumpamanya diadakan sebagai salah satu syiar Islam untuk memakmurkan masjid, selain mengingati Hari Keputeraan Junjungan Besar Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam, di samping dapat mengeratkan hubungan silaturahim dalam kalangan pegawai dan kakitangan KHEU dengan jemaah masjid serta penduduk kampung.

Turut hadir ialah Timbalan

Menteri Hal Ehwal Ugama, Yang Mulia Dato Seri Paduka Awang Haji Abdul Mokti bin Haji Mohd. Daud; Setiausaha Tetap KHEU, Dato Seri Setia Awang Haji Abdul Aziz bin Orang Kaya Maharaja Lela Haji Mohd. Yusof; Ahli Majlis Mesyuarat Negara, Yang Berhormat Awang Naim bin Haji Kamis, selaku Penghulu Mukim Kota Batu; Timbalan Setiausaha Tetap (Pentadbiran dan Kewangan) KHEU, Awang Roslan bin Haji Taja'ah; dan Pemangku Timbalan Setiausaha Tetap (Dasar dan Keagamaan) KHEU, Awang Haji Serudin bin Haji Timbang.

Pelancaran Pakej Destinasi ke Daerah Belait



MENTERI Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Haji Ali bin Haji Apong menyaksikan pameran pada Pelancaran Pakej Destinasi ke Daerah Belait.

Berita dan Foto : Noraisah Haji Muhammed

SERIA, Rabu, 29 November. - Promosi Pakej Destinasi ke Daerah Belait merupakan inisiatif Jabatan Pembangunan Pelancongan dalam meningkatkan usaha untuk mempromosikan pakej pelancongan menarik yang ada di negara ini.

Pelancaran Pakej Pelancongan Baharu bagi Daerah Belait disempurnakan oleh Menteri Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Haji Ali bin Haji Apong. Majlis berlangsung di Pusat Penemuan Minyak dan Gas, Seria.

Yang Berhormat Menteri Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan dalam ucapannya menekankan agar semua

pihak berkepentingan dalam pelancongan seperti ejen pelancongan, syarikat penerbangan, hotel, pembekal penginapan bagi masyarakat setempat agar secara aktif dalam memberikan bekerjasama dalam mempromosikan Daerah Belait sebagai destinasi pelancongan pilihan di Brunei Darussalam.

Pakej Destinasi ke Daerah Belait dibangunkan menerusi usaha kerjasama antara Jabatan Pembangunan Pelancongan dengan Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri; Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan; Brunei Shell Petroleum, pihak berkepentingan pelancongan dan komuniti tempatan di Belait.

Majlis juga diselenggarakan dengan perasmian Pusat Maklumat Pelancongan yang berpusat di OGDC bersempena dengan promosi Pakej Destinasi ke Daerah Belait.

Yang Berhormat juga melancarkan Pameran Explor-A-Saurus dari Scitech, Australia yang mempamerkan *animatronic dinosaur* yang terkenal di dunia. Pameran tersebut akan berlangsung di OGDC selama lima bulan.

Sebanyak enam mini pameran dari syarikat perkhidmatan pelancongan turut disediakan.

Pesta Brunei bagi Bulan Disember menjadi tumpuan utama pelancongan tersebut. Pesta yang akan bermula pada 3 Disember 2017 ini menandakan bermulanya festival selama sebulan yang diinisiatifkan oleh Lembaga Pelancongan Brunei dengan kerjasama antara kementerian-kementerian, sektor swasta dan awam serta pihak berkepentingan yang berkaitan, dengan matlamat meningkatkan bilangan ketibaan pelancong ke Brunei di samping itu akan menarik pelancongan dan perbelanjaan domestik dalam negara yang dijangka akan membantu menyumbang pada ekonomi domestik dan meningkatkan peluang perniagaan bagi PKS.

Lebih 40 acara akan diadakan untuk Festival Disember di seluruh empat daerah, mulai dari seni dan budaya, masakan, seni persembahan serta sukan dan rekreasi. Untuk maklumat lanjut mengenai acara-acara ini, layari www.brunetourism.travel atau www.brunei.events.

Dikir Syarafil Anam bergema di Masjid Kilanas

Oleh : Rohani Haji Abdul Hamid
Foto : Mohd. Sahrizal Haji Said

KILANAS, Jumaat, 1 Disember. - Bagi menyemarakkan lagi Sambutan Maulud Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam 1439 Hijrah / 2017 Masihi, Ahli Jawatankuasa Takmir Masjid Kampung Kilanas menganjurkan Majlis Berdikir Syarafil Anam sempena Sambutan Maulud Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam yang diselenggarakan dengan penyampaian derma kepada anak-anak yatim, Kampung Kilanas.

Hadir selaku tetamu kehormat majlis, Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, Yang Berhormat Pehin Datu Lailaraja Mejar Jeneral (B) Dato Paduka Seri Haji Awang Halbi bin Haji Mohd. Yussof.

Majlis dimulakan dengan Sembahyang Fardu Maghrib Berjemaah yang diimamkan oleh Imam masjid tersebut, diikuti

dengan bacaan Surah Al-Fatihah yang diketuai oleh Yang Berhormat Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan dan diteruskan dengan bacaan Dikir Syarafil Anam.

Majlis disusuli dengan Sembahyang Fardu Isyak Berjemaah, diikuti dengan Dikir Marhaban dan bacaan Doa Allah Peliharakan Sultan oleh imam masjid.

Majlis diakhiri dengan penyampaian derma dari tabung khas untuk anak-anak yatim dari Masjid Kampung Kilanas kepada 23 anak yatim.

Ia merupakan aktiviti tahunan bagi Takmir Masjid Kilanas untuk mengeratkan lagi silaturahim di antara semua para jemaah masjid Kampung Kilanas khasnya penduduk Kampung Kilanas dan sekitarnya.



MENTERI Kebudayaan, Belia dan Sukan, Yang Berhormat Pehin Datu Lailaraja Mejar Jeneral (B) Dato Paduka Seri Haji Awang Halbi bin Haji Mohd. Yussof (tengah) hadir selaku tetamu kehormat pada Majlis Berdikir Syarafil Anam sempena Sambutan Maulud Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam anjuran Ahli Jawatankuasa Takmir Masjid Kampung Kilanas.

Fahaman keagamaan yang diamalkan terbukti menyumbang keharmonian

Oleh : Dk. Siti Redzaimi Pg. Haji Ahmad
Foto : Ihsan Kementerian Hal Ehwal Ugama



MENTERI Hal Ehwal Ugama, Yang Berhormat Pehin Udana Khatib Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Badaruddin bin Pengarah Dato Paduka Haji Othman (kiri) menyampaikan Sijil Keahlian kepada kumpulan belia yang menyertai program tersebut.

BANDAR SERI BEGAWAN, Khamis, 30 November. - Menteri Hal Ehwal Ugama, Yang Berhormat Pehin Udana Khatib Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Badaruddin bin Pengarah Dato Paduka Haji Othman menjelaskan Program Keagamaan Belia dapat mengatur kegiatan mereka dan akan diselenggarakan supaya lebih sistematik serta teratur, selain mereka akan dibantu untuk mencapai hasrat dan tujuan mereka bergiat dalam bidang keagamaan itu.

"Mereka akan dibimbing supaya tetap berada pada landasan yang

selamat dari sebarang pengaruh fahaman dan pembawaan amalan keagamaan yang boleh menjejaskan keharmonian berkeluarga dan bermasyarakat dan potensi mereka sebagai belia dan beliawanis yang bergiat dalam bidang keagamaan akan dikembangkan menjadi da'ie yang terlatih dan berpengalaman dengan mempunyai sikap dan pembawaan beragama yang bertanggungjawab bagi memelihara keutuhan amalan beragama yang lazim diikuti dan diamalkan dengan sempurna dan serasi di negara ini," ujarnya.

Menurutnya, hasrat kita adalah

jelas, iaitu untuk memelihara serta mengukuhkan cara hidup beragama yang diamalkan dengan baik dan sempurna di negara ini.

Yang Berhormat menjelaskan hal tersebut pada Majlis Pelancaran Program Keagamaan Belia di bawah Kementerian Hal Ehwal Ugama (KHEU) di Dewan Multaqa, kementerian berkenaan.

Acara terlebih dahulu dimulakan dengan bacaan Surah Al-Fatihah dan Doa Selamat yang dipimpin oleh Awang Hamzah bin Haji Jaili dari Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA).

Tayangan video aktiviti-aktiviti belia daripada kumpulan-kumpulan belia yang menyertai program tersebut juga turut ditayangkan dan majlis diserikan lagi dengan persembahan tausyeh dari Kumpulan Belia Sautul Baraqah.

Acara kemudian diteruskan dengan penyampaian Sijil Keahlian kepada sebanyak 18 kumpulan belia yang menyertai program tersebut daripada tetamu kehormat.

Tetamu kehormat juga berpeluang meninjau beberapa pameran yang disediakan oleh kumpulan-kumpulan belia yang menyertai program tersebut.

Majlis seumpamanya bertujuan untuk mengumpulkan para belia, khususnya kumpulan-kumpulan belia untuk bernaung di bawah entiti KHEU.

Selain membimbing para golongan belia dalam mengendalikan program keagamaan, pergerakan mereka juga akan dipantau agar dapat melahirkan belia yang lebih kreatif dalam aktiviti keagamaan.



MENTERI Hal Ehwal Ugama, Yang Berhormat Pehin Udana Khatib Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Badaruddin ketika menyaksikan pameran (atas sekali), sementara gambar atas, antara yang hadir pada majlis berkenaan.

Pameran Cinta dan Kenali Rasulullah 25 Disember 2017

Oleh : Rohani Haji Abdul Hamid
Foto : Mohd. Sahrizal Haji Said

BANDAR SERI BEGAWAN, Khamis, 30 November. - Lembaga Pelancongan Brunei akan mengadakan Pameran Cinta dan Kenali Rasulullah yang akan dilancarkan pada 25 Disember

2017 hingga 13 Januari 2018 dari jam 9.00 pagi hingga jam 10.00 malam bertempat di Pusat Persidangan Antarabangsa, Berakas.

Perkara tersebut dijelaskan dalam Sidang Media yang diadakan di Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan (KSSUP) dan dipengerusikan oleh Timbalan Setiausaha Tetap (Pelancongan), KSSUP, Awang Wardi bin Haji Mohammad Ali, selaku Setiausaha Lembaga Pelancongan Brunei.

Menurutnya, Pameran Cinta dan Kenali Rasulullah merupakan salah satu program bersempena dengan 'Festival Disember Brunei 2017' yang diunkayahkan oleh Averta Management Services bersama KSSUP melalui Jabatan Kemajuan Pelancongan dan turut disokong oleh Jabatan Belia dan Sukan, Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan.

"Adapun objektif utama pameran tersebut diadakan adalah bagi memberi peluang kepada rakyat dan para penduduk Negara Brunei Darussalam meliputi Sabah, Sarawak dan Kalimantan agar dapat bersama-sama meraikan rasa kecintaan dan mengenali Baginda Rasulullah secara lebih dekat dengan menghayati kehidupan dan akhlak mulia Baginda Rasulullah,"



TIMBALAN Setiausaha Tetap (Pelancongan), Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan (KSSUP), Awang Wardi bin Haji Mohammad Ali (kanan), selaku Setiausaha Lembaga Pelancongan Brunei ketika mempengerusikan Sidang Media yang diadakan di KSSUP.

jelasnya.

Katanya, Pameran Artifak Rasulullah dan para sahabat Radhiallahu Anhum merupakan kesinambungan daripada pameran Jelajah Nusantara 2016-2018 yang sebelum ini diadakan di Melaka, Kelantan, Kedah, Selangor, Pattani Thailand dan Singapura.

Dengan mengadakan pameran artifak di negara ini katanya, ianya memberi peluang keemasan kepada rakyat di negara ini untuk melihat sendiri khazanah asli peninggalan Baginda Rasulullah dan para sahabat Radhiallahu Anhum, seperti rambut Rasulullah,

serban Rasulullah dan tongkat Rasulullah, di samping mempamerkan artifak-artifak asli lain, seperti Kiswah Pintu Kaabah, Batu dinding Kaabah, Kunci Kaabah dan lain-lain lagi.

Harga tiket masuk ke pameran tersebut adalah BND10 sahaja.

Untuk mengetahui lebih lanjut mengenai pameran tersebut, orang ramai boleh melayari media sosial Pameran Cinta dan Kenali Rasulullah melalui Facebook / Instagram @pamerancinta.bn atau melalui laman sasawang www.brunei.events, atau menghubungi talian+6738319093.

Sebahagian Jalan Dadap ditutup sementara

Siaran Akhbar : Jabatan Kerja Raya

BANDAR SERI BEGAWAN, Khamis, 30 November. - Jabatan Kerja Raya (JKR), Kementerian Pembangunan memaklumkan kepada orang ramai terutama sekali kepada pengunjung dan penduduk yang tinggal di sekitar kawasan Kampung Dadap, mengenai penutupan sementara sebahagian Jalan Dadap di Simpang 29-103 dan Simpang 135.

Menurut Siaran Akhbar JKR, penutupan sementara itu untuk memberi laluan bagi pelaksanaan kerja-kerja menaik taraf Box Culvert yang sedia ada di kawasan tersebut.

Ia akan bermula pada 1 Disember 2017 (Jumaat) hingga 27 Disember 2017 (Rabu).

Penutupan tersebut melibatkan laluan trafik di dalam persekitaran Kampung Dadap, para pengguna jalan raya serta penduduk yang tinggal di persekitaran kawasan berkenaan bolehlah menggunakan laluan alternatif yang sedia ada untuk menuju ke Jalan Tutong.

Di samping itu, pengguna-pengguna jalan raya dinasihatkan untuk sentiasa mengamalkan sikap bertolak ansur sesama pengguna jalan raya yang lain demi keselamatan dan kesejahteraan bersama.

Sebarang aduan, orang ramai bolehlah menghubungi pihak jabatan ini melalui Talian Darussalam : 123 / Livechat +673 8333123, Facebook : *Jabatan Kerja Raya, Brunei Darussalam* dan e-mel : pro@pwd.gov.bn.

892 penerima dikurniakan lot tanah dan anak kunci

Oleh : Rohani Haji Abdul Hamid
Foto : Mohamad Azmi Awang Damit, Haji Ariffin Mohd. Noor /
Morshidi, Hamzah Mohidin, Mohd. Sahrizal Haji Said,
Pg. Amirulnizam Pg. Haji Mohd. Ali, Azmah Haji Ahad

BANDAR SERI BEGAWAN,
Rabu, 29 November. - Kebawah
Duli Yang Maha Mulia
Paduka Seri Baginda Sultan Haji
Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin
Waddaulah ibni Al-Marhum
Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddin
Sa'adul Khairi Waddien, Sultan
dan Yang Di-Pertuan Negara
Brunei Darussalam berkenan
berangkat menyempurnakan
Penganugerahan Lot-Lot Tanah
dan Anak-Anak Kunci Rumah
kepada 892 penerima.

Penerima anugerah anak kunci rumah ini adalah pemohon di bawah Rancangan Perumahan Negara (RPN) dan Skim Tanah Kurnia Rakyat Jati (STKRJ) bagi Daerah Brunei dan Muara (DBM).

Keberangkatan Kebawah
DYMM di Pusat Persidangan
Antarabangsa dijunjung oleh
Menteri Pembangunan Yang

Berhormat Dato Seri Setia
Awang Haji Bahrin bin Abdullah;
Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri,
Yang Berhormat Pehin Orang
Kaya Seri Kerna Dato Seri Setia
(Dr.) Haji Awang Abu Bakar
bin Haji Apong dan Pegawai
DBM, Awang Misle bin Haji
Abdul Karim.

Majlis dimulakan dengan bacaan Surah Al-Fatihah dipimpin oleh Hakim Mahkamah Rendah Syariah, DBM, Pengiran Dr. Haji Badaruddin bin Pengiran Abd. Rahman.

Daripada jumlah keseluruhan penerima, 12 penerima lot-lot tanah, manakala 880 penerima anak-anak kunci rumah di beberapa buah kawasan RPN dan STKRJ.

Sejurus selesai
menyempurnakan majlis
penganugerahan itu, Kebawah
DYMM berkenan berangkat ke
Sekolah Menengah Pengiran
Anak Puteri Hajah Masna,
Jalan Utama Mentiri, Kampung
Sungai Akar, Mukim Berakas B'.

Kemudian baginda berangkat ke salah seorang penerima lot tanah bagi pegawai-pegawai kerajaan Bahagian II, Dayangku Nur Zirwatul Amal binti Pengiran Haji Mohammad di kawasan RPN Madang, Mukim Berakas 'B'.

Tawaran untuk Skim
Pembahagian Lot Tanah ini
bermula pada tahun 1985
yang hanya dibukakan
untuk pegawai-pegawai kerajaan
Bahagian II saja.

Setelah itu, skim itu dilaratkan bagi pegawai dan kakitangan kerajaan Bahagian III, IV dan V serta orang awam yang

dan v serta orang awam yang berkelayakan yang mana lot tanah ini hendaklah dimajukan dan dibangunkan rumah dalam tempoh tiga tahun dari tarikh pengundian.

berkenan bergambar ramai bersama para



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanah Bolkiyah Mu'azzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan beramah mesra bersama penduduk Kampung Kawasan 1, RPN Lambak Kanana (kiri), sementara gambar kanan, Kebawah Duli Yang Maha Mulia berkenan berangkat ke rumah salah seorang penerima lot tanah bagi pegawai-pegawai kerajaan Bahamas Di, Dayungku Nur Zirwatul Amal binti Pengiran Haji Mohammad di kawasan RPN Madang, Mukim Berakas 'B' (kanan). Manakala gambar bawah kiri, Kebawah DYMM berkenan beramah mesra bersama penuntut Sekolah Menengah Pengiran Anak Puteri Haji Masna dan gambar bawah kanan, baginda berkenan melawat ke rumah peserta penerima anak-anak kunci rumah RPN Kampung Panchor Mengkubau.

Baginda seterusnya meneruskan lawatan ke rumah Ketua Kampung Kawasan I, RPN Lambak Kanan, Awang Mohammad bin Haji Tahir @ Mohamad bin Awang Tahir.

Kawasan I, RPN Lambak Kanan mempunyai sekitar 5,600 penduduk dengan jumlah rumah sebanyak 648 buah.

Baginda juga berkenan berangkat ke Sekolah Rendah Lambak Kanan, Jalan 49, Kluster 3, Mukim Berakas 'B' di mana sekolah ini mempunyai 69 tenaga pengajar dan 478 murid di peringkat Pra hingga Tahun 5

Lawatan baginda ke institusi pendidikan ini membuktikan keprihatinan baginda terhadap perkembangan dan kemajuan pendidikan di negara ini.

Sebelum mengakhiri lawatan, baginda berkenan berangkat ke beberapa buah rumah penerima anak-anak kunci di bawah RPN Panchor Mengkubau, Mukim Mentiri.

Pada keluasan 121,5 meter persegi, setiap unit rumah kembar dan rumah teres di kawasan RPN Kampung Panchor Mengkubau itu mempunyai tiga bilik tidur, bilik mandi dan dapur.

Perumahan di kawasan ini menelan belanja sebanyak BND388 juta, dan dari 4,000 unit tersebut, sebanyak 2,400 buah adalah rumah jenis teres dan selebihnya adalah rumah jenis berkembar yang dibina di atas kawasan kira-kira 309 hektar.

Kawasan tersebut dilengkapi beberapa kemudahan seperti jalan raya, longkang, tangki air, tanam-tanaman, sistem telekomunikasi fiber optik dan taman rekreasi.

Setakat ini, Jabatan Kemajuan Perumahan, Kementerian Pembangunan melalui RPN dan STKRJ telah menyediakan lebih 28,000 rumah dan lot tanah di seluruh negara, di mana DBM


antara yang mencatat jumlah terbesar iaitu sebanyak 19,894, diikuti Daerah Belait mencatat sebanyak 6,585 buah seterusnya Daerah Tutong 1,943 buah dan 402 buah di Daerah Temburong.

Sejak Negara Brunei

Darussalam mencapai kemerdekaan pada tahun 1984 di bawah pimpinan baginda, rakyat dan penduduk di negara ini telah dan terus menikmati pelbagai kemudahan, antaranya penyediaan perumahan.

Ini jelas mencerminkan keprihatinan dan pemedulian baginda kepada rakyat dan penduduk negara ini dan secara langsung membuktikan komitmen kerajaan dalam mendukung hasrat dan cita-cita baginda,

khususnya dalam menyediakan perumahan yang berkonsep berdaya tahan dan mampu dimiliki selaras dengan salah satu objektif RPN untuk mempertingkatkan kualiti kehidupan rakyat yang tinggi.



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanali Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddin Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan berangkat menyempurnakan Penganugerahan Lot-Lot Tanah dan Anak-Anak Kunci Rumah di Dewan Plenari, Pusat Persidangan Antarabangsa, Berakas.



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan menyempurnakan Penganugerahan Lot-Lot Tanah dan Anak-Anak Kunci Rumah kepada para penerima yang terpilih (kiri dan kanan).



KEBAWAH DYMM berkenan berangkat ke salah sebuah rumah penerima anak kunci rumah kembar RPN Kampung Panchor Mengkubau (kiri), sementara gambar kanan, baginda berkenan bergambar ramai bersama para pelajar dan guru Sekolah Rendah Lambak Kanan, Jalan 49, Kluster 3, Mukim Berakas 'B'.



KEBAWAH DYMM menerima junjung ziarah ketika berangkat melawat ke rumah-rumah para penerima anak-kunci rumah kembar RPN Kampung Panchor Mengkubau (kiri), sementara gambar kanan, rumah teres RPN Kampung Panchor Mengkubau.





**JABATAN PERKHIDMATAN ELEKTRIK
JABATAN PERDANA MENTERI**

Bilangan Tawaran :
JPE / LTK / BP / 026 / 2017
Tajuk Tawaran :
**SUPPLY AND DELIVERY OF MOTOR
VEHICLES FOR DEPARTMENT OF
ELECTRICAL SERVICES**

Tarikh Tutup :
5 Disember 2017
(Selasa, jam 2.00 Petang)

Yuran Tawaran :
BND50.00 (tidak dikembalikan)

Tempat Tutup :
PETI TAWARAN
LEMBAGA TAWARAN KECIL
JABATAN PERDANA MENTERI,
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM.

Kelayakan :
PEMBEKAL / PENGEDAR
KENDERAAN YANG
BERDAFTAR DENGAN
JABATAN PENGANGKUTAN DARAT,
KEMENTERIAN PERHUBUNGAN.

DOKUMEN-DOKUMEN tawaran dan penerangan-penerangan yang lanjut boleh diperolehi dari **Kaunter Unit Tawaran, Tingkat 4, Jabatan Perkhidmatan Elektrik, Jabatan Perdana Menteri.**

PERHATIAN :
Sila bawa sijil pendaftaran yang berkenaan semasa mengambil dokumen di Kaunter Unit Tawaran, Tingkat 4 Jabatan Perkhidmatan Elektrik.



**KEMENTERIAN KEBUDAYAAN, BELIA DAN SUKAN
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**

KENYATAAN TAWARAN

BILANGAN TAWARAN :
55 / NOV / 2017 / KKBS /
PJK / 16.14 (18)

TAJUK TAWARAN :
KONTRAK PEMELIHARAAN
PENGAL (12 BULAN) BAGI
KERJA-KERJA PEMBERSIHAN
BANGUNAN / PEMELIHARAAN
LANDSKAP DI KEMENTERIAN
KEBUDAYAAN, BELIA DAN SUKAN
(BANGUNAN, LETAK KERETA,
JALAN RAYA DAN KAWASAN)
DI SIMPANG 336-17,
JALAN KEBANGSAAN,
BRUNEI DARUSSALAM

1. TAWARAN dibukakan kepada syarikat-syarikat / pemborong-pemborong yang mempunyai Sijil Pendaftaran Kontraktor dan Pembekal Kementerian Pembangunan yang sah dalam Kelas II dan III dengan kategori kerja seperti berikut :
B01 - (Kerja-kerja Bangunan / Building Works)

KA01 - Kerja-kerja Am kejuruteraan
Awam / General Civil Engineering Works
S03 - Kerja-kerja Pemeliharaan Tepi
Jalan / Road Side Maintenance and
Cleaning Works

KPB12 - Landskap / Landscaping

2. Syarikat-syarikat yang dimiliki oleh kakitangan kerajaan dan seumpamanya tidak akan dilayan dan tidak sah untuk dinilai.

3. Dokumen tawaran boleh diperolehi dari **Unit Kewangan, Tingkat 1, Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan, Simpang 336-17, Jalan Kebangsaan, Brunei Darussalam** semasa hari / waktu bekerja.

4. Yuran tawaran adalah **BND10.00** sahaja bagi setiap tawaran dan tidak akan dikembalikan kepada setiap pemborong sama ada yang berjaya atau yang tidak berjaya setelah menghantar tawaran yang sah (*bona-fide-tender*).

5. Tawaran hendaklah dihadapkan dalam sampul surat yang rapi (*sealed*) dengan menyatakan bilangan dan tajuk tawaran serta tarikh tutup tawaran tanpa menyatakan nama penender / syarikat dengan dialamatkan kepada **Pengerusi Lembaga Tawaran Kecil, Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan, Simpang 336-17, Jalan Kebangsaan, BS8110, Negara Brunei Darussalam.**

6. Tawaran yang lengkap hendaklah dimasukkan ke dalam **Peti Tawaran (berwarna BIRU)** yang disediakan di :

Tingkat 1,
Ruang Masuk / Penyambut Tetamu
(depan kaunter sekuriti)
Bangunan Kementerian Kebudayaan,
Belia dan Sukan, Simpang 336-17
Jalan Kebangsaan, BS8110

Negara Brunei Darussalam.
Tidak lewat 12 Disember 2017
jam 2.00 Petang, Selasa.

7. Tawaran yang diterima lewat dari tarikh dan masa yang telah ditetapkan tidak akan dilayan.

8. **Tarikh terakhir** mengambil dokumen tawaran adalah pada **Sabtu, 9 Disember 2017, jam 11.00 Pagi.**

9. Sebelum dokumen tawaran dikeluarkan, setiap syarikat dikehendaki membawa dan menghadapkan salinan Sijil Pendaftaran Perniagaan (Business Enactment Section 16 & 17) dan dikehendaki membayar yuran tawaran dengan kadar yang telah ditetapkan.

10. Penender yang ikut serta **DIMESTIKAN HADIR** untuk membuat lawatan ke tapak projek pada **Isnin, 11 Disember 2017, jam 9.00 pagi bertempat di Unit Pengurusan Estet, Tingkat Bawah (Basement Level), Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan, Simpang 336-17, Jalan Kebangsaan, Negara Brunei Darussalam.** Nombor yang boleh dihubungi ialah +673 2382911 / +673 2381905 / +673 2380693 sambungan 1001 / 5 semasa waktu pejabat bagi mendapatkan penerangan lanjut. Penender dikehendaki mendapatkan pengesahan daripada Pegawai yang dilantik ketika membuat lawatan ke tapak projek dengan mengisikan ruangan Pre-condition di dalam Conditions of Tendering di dalam mukasurat "CT3 of 17". Kegagalan untuk mendapatkan pengesahan semasa lawatan ke tapak projek boleh menyebabkan tawaran untuk tidak dinilai.

11. Tawaran-tawaran mestilah dihantar dengan menggunakan borang-borang tawaran yang telah disediakan. **Borang tawaran dan borang pengakuan penender hendaklah diisi dengan lengkap. Penender yang menghantar tawaran yang tidak lengkap tidak akan dipertimbangkan untuk penilaian.**

12. Setiap borang tawaran yang telah diisi dengan lengkap hendaklah menyertakan salinan sijil pendaftaran kontraktor dan pembekal, Sijil Lampiran Syarikat (Business Enactment Section 16 & 17) dan salinan resit pembayaran yuran tawaran (seperti kenyataan para 4).

13. Penender dimestikan menurunkan tanda tangan *initial* pada setiap muka surat, di mana maklumat telahpun diisi oleh penender.

14. Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam tidak akan semestinya menerima tawaran-tawaran yang rendah atau lain-lain tawaran.

15. Syarikat yang menolak atau membatalkan tawaran atau kontrak setelah kebenaran tawaran diperolehi akan dikenakan denda selaras mengikut peraturan dan garis pandu yang diberikan oleh Lembaga Tawaran Negara, rujukan LTN / 4 (39 / 1997).



**JABATAN PENERBANGAN AWAM
KEMENTERIAN PERHUBUNGAN**

JABATAN PENERBANGAN AWAM
KEMENTERIAN PERHUBUNGAN
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

Kementerian Perhubungan,
Bandar Seri Begawan BB2513
Negara Brunei Darussalam.

Syarat-syarat Tawaran :

1. TAWARAN adalah dipelawa untuk **"THE SUPPLY, DELIVERY, INSTALLATION, TERMINATION, PULLING & TESTING OF NETWORK CABLES (INDOOR) AND NETWORK EQUIPMENTS FOR THE PROPOSED NEW AXIS CAMERAS AT BRUNEI INTERNATIONAL AIRPORT"**.

2. Tawaran hendaklah dihantar dalam sampul surat yang bertutup tanpa menunjukkan identiti atau logo pembekal / pemborong ditulis dengan :

**"THE SUPPLY, DELIVERY,
INSTALLATION, TERMINATION,
PULLING & TESTING OF
NETWORK CABLES (INDOOR) AND
NETWORK EQUIPMENTS FOR THE
PROPOSED NEW AXIS CAMERAS AT
BRUNEI INTERNATIONAL AIRPORT"**

Bilangan Sebut Harga :

ATELS / 2017 / SH- 13

Tarikh tutup :
13 DISEMBER 2017 (Rabu)

Kepada :

Pengerusi Jawatankuasa Sebut Harga,
d/a Aras Bawah, Bangunan Ibu Pejabat,
Jabatan Penerbangan Awam,

3. Tawaran-tawaran hendaklah sampai kepada Jawatankuasa Sebut Harga **tidak lewat jam 2.00 Petang, Rabu, 13 Disember 2017.** Tawaran-tawaran yang diterima lewat dari tarikh dan masa yang ditetapkan tidak akan dilayan.

4. Dokumen-dokumen bolehlah diperolehi dari Bahagian Kewangan, Tingkat Bawah, Ibu Pejabat Jabatan Penerbangan Awam iaitu semasa hari-hari bekerja (Isnin hingga Khamis dan Sabtu) dengan bayaran sebanyak **BND5.00 (tidak dikembalikan).**

5. Penerangan-penerangan yang lanjut bolehlah diperolehi dari Bahagian Perkhidmatan Telekom Penerbangan, Jabatan Penerbangan Awam, Lapangan Terbang Antarabangsa Brunei :

Nama : Awang Muhammad Ruzaini bin Haji Rosli

Telefon : +673 2330142 sambungan 1019 / 1740

Faksimile : +673 2333666

6. Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam tidak semestinya menerima tawaran-tawaran yang rendah atau lain-lain tawaran.

7. Iklan-iklan tawaran bolehlah dilihat melalui laman sesawang <http://www.mincom.gov.bn/dca>



**MAHKAMAH MAJISTRET
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**

DI DALAM MAHKAMAH
MAJISTRET NEGARA BRUNEI
DARUSSALAM
DI DENGAR DI
BANDAR SERI BEGAWAN

SAMAN BIL NO. 262 TAHUN 1998

DI ANTARA

KERAJAAN KEBAWAH DULI
YANG MAHA MULIA PADUKA
SERI BAGINDASULTAN
DAN YANG DI-PERTUAN
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM
-- Plaintiff / Pemiutang Penghakiman

DAN

CHAN KOK BOON
NO. PASPORT MALAYSIA. K38897342
-- Defendan/ Penghutang Penghakiman

NOTIS PEMBERITAHUAN MENURUT
PERINTAH PENYAMPAIAN GANTI

KEPADA : CHAN KOK BOON

Alamat terakhir diketahui ialah di :

C/o AIFA Sdn. Bhd.

187 PAP Hjh. Norain Shopping Complex
Bandar Seri Begawan
Negara Brunei Darussalam

SILA AMBIL PERHATIAN bahawa satu Saman Penghutang Penghakiman telah difailkan terhadap kamu dalam mahkamah yang disebutkan di atas oleh Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, di mana kamu dikehendaki hadir di Mahkamah Majistret di Bandar Seri Begawan pada **5 haribulan Disember 2017 pada jam 8.30 Pagi** untuk memberi sebab mengapa penghakiman yang dijatuhkan dalam kes yang tersebut di atas

tidak patut dilaksanakan dengan tahanan dan penjualan harta alih kamu dan / atau dengan menahan kamu di dalam penjara sebagai seorang banduan sivil.

DAN ADALAH DIPERINTAHKAN bahawa penyampaian saman tersebut dilakukan kepada kamu secara pemberitahuan ini di Pelita Brunei yang tersebut di atas dan bahawa penyampaian tersebut hendaklah dianggap sebagai penyampaian yang sah dan mencukupi bagi prosiding ke atas kamu.

DAN SILA AMBIL PERHATIAN SELANJUTNYA bahawa jika kamu tidak hadir, satu waran penangkapan atau perintah boleh dibuat terhadap kamu sebagaimana yang difikirkan patut oleh mahkamah. Kehadiran kamu boleh diketepikan dengan syarat wang penghakiman yang terhutang kepada Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, iaitu sebanyak **BND4,498.22**, faedah kadar 6% setahun mulai dari tarikh penghakiman sehingga pembayaran penuh dan kos sebanyak **BND200.00**.

Bertarikh pada hari ini 14 haribulan November 2017

Salinan asal ditandatangani oleh
MAJISTRET
Mahkamah Majistret
Bandar Seri Begawan

Notis Pemberitahuan Menurut Perintah Penyampaian Ganti ini difailkan oleh Pejabat Peguam Negara, Peguamcara dan Peguambela bagi Plaintiff yang alamat penyampaiannya ialah Pejabat Peguam Negara, Bangunan Undang-Undang, Jalan Raja Isteri Pengiran Anak Saleha, Bandar Seri Begawan, BA1910, Negara Brunei Darussalam.



**JABATAN KERJA RAYA
KEMENTERIAN PEMBANGUNAN**

**DIBUKAKAN KEPADA
PEMBORONG-PEMBORONG YANG
BERDAFTAR DI DALAM
KATEGORI :
6 d - (KOD LAMA)
P06 (KOD BAHARU)**

**TARIKH AKHIR MENGAMBIL
DOKUMEN TAWARAN PADA :
5 DISEMBER 2017, SELASA**

**TARIKH TUTUP PADA :
19 DISEMBER 2017, SELASA
JAM 2.00 PETANG**

**BILANGAN TAWARAN :
JKR / DBSBM003 / 2017
NAMA PROJEK :
PENGANGKUTAN ALAT-ALAT
PERABOT DAN MENYUSUN KE
TEMPAT YANG KHAS BAGI
RUMAH PANGSA / BEREK DAN
BANGLO KERAJAAN BAGI
KAWASAN BRUNEI / MUARA,
TUTONG DAN TEMBURONG
BAGI TEMPOH 18 BULAN
PROJEK :
2017DBSBM / JKR02**

**YURAN TAWARAN : BND30.00
(TIDAK DIKEMBALIKAN)**

**DIBUKAKAN KEPADA
PEMBORONG-PEMBORONG YANG
BERDAFTAR DI DALAM
KELAS : II & III
KATEGORI :
B01 SAHAJA (KOD BAHARU)**

**TARIKH AKHIR MENGAMBIL
DOKUMEN TAWARAN PADA :
12 DISEMBER 2017, SELASA**

**TARIKH TUTUP PADA :
26 DISEMBER 2017, SELASA
JAM 2.00 PETANG**

**BILANGAN TAWARAN :
JKR / DTS / 22 / CQS / 2017 - T/II
NAMA PROJEK :
PENGUBAHSUAIAN BANGUNAN
KEMENTERIAN HAL EHWAL LUAR
NEGERI DAN PERDAGANGAN -
KERJA-KERJA MEMBAIK PULIH
BANGUNAN BUBUNGAN DUA
BELAS @ REPLACEMENT OF
DEFECTIVE BELIAN ROOFING
NO. PROJEK :
JKR / DTS / RKN / 08 / 2016 (E)**

**YURAN TAWARAN : BND30.00
(TIDAK DIKEMBALIKAN)**

Syarat-Syarat Tawaran :
TAWARAN-TAWARAN hendaklah dimasukkan ke dalam Peti Tawaran, Lembaga Tawaran Kecil, Tingkat Bawah, Kementerian Pembangunan, Berakas, BB3510, Negara Brunei Darussalam (kecuali) lain dari alamat yang dinyatakan dalam iklan atau dokumen tawaran.
Dokumen-dokumen tawaran dan syarat-syarat boleh dilihat dan diperoleh dari Unit Pembahagian Dokumen, Tingkat Bawah, Ibu Pejabat Jabatan Kerja Raya, Lapangan Terbang Lama, Jalan Berakas, Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam. Dokumen tawaran yang dikeluarkan oleh Jabatan Kerja Raya, Kuala Belait (bilangan tawaran yang dimulai dengan huruf ("JKR/DBSKB ...") boleh dilihat dan diperoleh dari Unit Kontrak, Jabatan Kerja Raya, Kuala Belait, Negara Brunei Darussalam.



**JABATAN PENERBANGAN AWAM
KEMENTERIAN PERHUBUNGAN**

1. TAWARAN adalah dibukakan kepada kontraktor yang berdaftar dalam Pendaftaran Kontraktor dan Pembekal, M01, M02 & M03 (JKR) Kementerian Pembangunan atau Jabatan Pengangkutan Darat (JPD) Kementerian Perhubungan, Negara Brunei Darussalam (Kelas Bengkel)
2. Tawaran-tawaran hendaklah dimasukkan ke dalam sampul surat yang tertutup tanpa menunjukkan identiti atau logo perkhidmatan / pembekal / pemborong (*sealed*), ditulis dengan menyatakan tajuk projek yang berkenaan tanpa menyatakan nama penawar dan dihantar kepada alamat yang dinyatakan dalam dokumen tawaran.

**Tajuk Tawaran 1 :
TO SUPPLY NEW SWIVEL CASTOR
WHEEL FOR AEROBRIDGE STAND
AT BRUNEI INTERNATIONAL
AIRPORT**

**Bilangan tawaran :
AME / 2017-2018 / SH- 64**

**Tajuk Tawaran 2 :
TPEMBAIKAN KENDERAAN BOMBA
LAPANGAN TERBANG BG 6060 (F2)**

**Bilangan tawaran :
AME / 2017-2018 / SH- 65**

**Tajuk Tawaran 3 :
TO PROVIDE DIAGNOSTIC,
WARNING INSPECTION AND REPAIR
FOR BG 4985 (F.1)**

**Bilangan tawaran :
AME / 2017-2018 / SH- 66**

**Tarikh iklan / mengambil :
Bermula Sabtu, 18 November 2017
selama 2 minggu**

**Tarikh terakhir mengambil
dokumen tawaran :
Selasa, 12 Disember 2017
(tidak lewat jam 2.00 Petang)**

**Tarikh tutup tawaran :
Rabu, 13 Disember 2017
(hingga jam 2.00 Petang)**

**Kepada :
Pengerusi Jawatankuasa Sebut Harga
d/a Tingkat Bawah,
Bahagian Kewangan
Ibu Pejabat**

**Jabatan Penerbangan Awam
Kementerian Perhubungan
Bandar Seri Begawan, BB2513
Negara Brunei Darussalam.**

3. Tawaran-tawaran hendaklah sampai kepada **Pengerusi Jawatankuasa Sebut Harga Jabatan Penerbangan Awam tidak lewat jam 2.00 Petang, Rabu, 13 Disember 2017.** Tawaran yang diterima lewat dari tarikh dan masa yang ditetapkan tidak akan dilayan.

4. Iklan tawaran boleh dilihat melalui laman sesawang : <http://www.civil-aviation.gov.bn>

5. Kontraktor yang berminat untuk membuat tawaran dikehendaki memperoleh dokumen-dokumen dari **Bahagian Kewangan, Tingkat Bawah, Jabatan Penerbangan Awam** dengan membayar yuran dokumen sebanyak **BND5.00 (hardcopy)** - tidak dikembalikan bagi setiap tawaran dan pembayaran tawaran diterima pada waktu bekerja seperti berikut :

**Isnin hingga Khamis
8.00 Pagi hingga 11.30 Pagi
dan
1.45 Petang hingga 3.30 Petang
Sabtu
8.00 Pagi hingga 11.30 Pagi**

6. Yuran tawaran tidak akan dikembalikan kepada mana juga kontraktor sama ada berjaya atau tidak kecuali kerja-kerja yang ditawarkan dibatalkan.

7. Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam tidak semestinya menerima tawaran-tawaran yang rendah atau lain-lain tawaran.

8. Sesi taklimat tawaran (*briefing*) seterusnya lawatan ke tapak (*site visit*) bagi tawaran diadakan seperti berikut :

Pada : 7 Disember 2017 (Khamis).

**Jam :
8.00 Pagi hingga 11.00 Pagi atau
1.45 Petang hingga 3.30 Petang**

**Tempat berkumpul :
Dewan Serbaguna
Bangunan Kejuruteraan
Dan Pemeliharaan Aset (AME),
Jabatan Penerbangan Awam,
Negara Brunei Darussalam.**



**JABATAN KAJIUCUA BRUNEI DARUSSALAM
KEMENTERIAN PERHUBUNGAN**

1. TAWARAN adalah dipelawa bagi :
**"TWO YEARS TERM CONTRACT
FOR CLEANING BRUNEI
METEOROLOGICAL
DEPARTMENT BUILDING
AT BLOCK B23, ANGGEREK DESA
FLAT, KG. ANGGEREK DESA,
AND AT METEOROLOGICAL
STATION, BRUNEI
INTERNATIONAL AIRPORT,
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM"**

2. Tawaran hendaklah dihantar dalam sampul surat yang ditutup rapi tanpa menunjukkan identiti atau logo pembekal / pemborong, ditulis dengan :

**TAWARAN BAGI
"TWO YEARS TERM CONTRACT
FOR CLEANING BRUNEI
METEOROLOGICAL
DEPARTMENT BUILDING AT
BLOCK B23, ANGGEREK DESA
FLAT, KG. ANGGEREK DESA, AND
AT METEOROLOGICAL STATION,
BRUNEI INTERNATIONAL
AIRPORT, NEGARA BRUNEI
DARUSSALAM"
Bilangan Tawaran :
JKBD / 2017 / SH-18
Tarikh Tutup :
Rabu, 6 Disember 2017**

**Kepada :
Pengerusi Jawatankuasa Sebut Harga
Jabatan Kajiucua
Jabatan Kajiucua Brunei Darussalam
Tingkat 1, Bahagian Kewangan,
Blok B23
Flat Anggerek Desa, Simpang 32 - 37
Kampung Anggerek, BB3713
Negara Brunei Darussalam.**

3. Tawaran hendaklah sampai kepada Pengerusi Jawatankuasa Sebut Harga yang beralamat di atas **tidak lewat dari jam**

2.00 Petang pada Rabu, 6 Disember 2017. Tawaran yang diterima lewat dari tarikh dan masa yang ditetapkan tidak akan dilayan.

4. Dokumen tawaran boleh diperoleh semasa waktu-waktu bekerja dengan harga BND5.00 senaskah (tidak dikembalikan) dari :

**Jabatan Kajiucua Brunei Darussalam
Tingkat 1, Bahagian Kewangan
Blok B23, Flat Anggerek Desa
Simpang 32 - 37
Kampung Anggerek, BB3713
Negara Brunei Darussalam.**

Untuk keterangan lanjut bolehlah menghubungi Jabatan Kajiucua di talian +673 2381342.

5. Sebut Harga mestilah dihantar dengan menggunakan borang yang telah disediakan. Jumlah harga tawaran hendaklah dicatat / ditulis dengan betul dan jelas demi mengelakkan sebut harga tidak akan di dilayan. Barang yang ditawarkan hendaklah menepati kehendak spesifikasi seperti dinyatakan di dalam Lampiran TS.

6. Sebut Harga hendaklah sah sehingga **120 hari** dari tarikh tutup sebut harga.

7. Penender hendaklah menyertakan salinan sijil pendaftaran yang menyenaraikan butir-butir syarikat berkenaan berserta salinan kad pintar atau paspot pemilik.

8. Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam tidak terikat untuk menerima tawaran yang paling rendah atau sebarang tawaran yang tidak munasabah.



**PASUKAN POLIS DIRAJA BRUNEI
JABATAN PERDANA MENTERI**

PENENDER-penender adalah dipelawa untuk mengemukakan tawaran bagi 1 kerja berikut :

1. T / 004 / RBPF-HQ / 2017-B

**RENOVATION WORKS AT POOLSIDE
BANQUET HALL, OFFICER MESS
POLICE HEADQUARTER GADONG,
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**

**Yuran Tawaran : BND30.00
(Tidak Dikembahkan)**

1. Dokumen tawaran boleh di peroleh dari **Unit Pembelian dan Perbekalan, Tingkat Bawah, Ibu Pejabat Polis Gadong** pada waktu bekerja, iaitu **Isnin hingga Khamis** dari jam **8.00 Pagi** hingga **11.30 Pagi** dan **2.00 Petang** hingga **3.00 Petang** dan **Sabtu** dari jam **8.00 Pagi** hingga **11.30 Pagi**.

Tarikh terakhir mengambil borang pada adalah pada **Sabtu, 30 Disember 2017.**

2. Tawaran-tawaran hendaklah dihantar

ke alamat yang tersebut dibawah dalam sampul surat yang tertutup dengan ditulis bilangan dan nama tawaran tanpa menunjukkan identiti pemborong **tidak lewat jam 2.00 Petang. Selasa, 9 Januari 2018 :**

**Pengerusi Lembaga Tawaran Kecil,
Jabatan Perdana Menteri, Level 1
Bangunan Jabatan Perdana Menteri
Jalan Menteri Besar,
Bandar Seri Begawan,
Negara Brunei Darussalam.**

3. Yuran tawaran (*tender fee*) dikehendaki dibayar dengan **WANG TUNAI** sahaja dan wang tidak dikembalikan kepada setiap pemborong sama ada yang berjaya atau tidak berjaya setelah menghantar tawaran yang jujur (*bon-fide-tender*). Kadar yuran tawaran adalah seperti yang ditetapkan dalam iklan tawaran. Pembayaran boleh dibuat pada hari dan waktu bekerja dari jam **8.00 Pagi** hingga **11.30 Pagi** dan **2.00 Petang** hingga **3.00 Petang** dan **Sabtu** dari jam **8.00 Pagi** hingga **11.30 Pagi** di **Bahagian Kewangan Tingkat Bawah, Ibu Pejabat Polis Diraja Brunei, Jalan Tungku, Gadong.**

Pesara Kementerian Pembangunan diraikan



MENTERI Pembangunan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Haji Bahrin bin Abdullah (kiri) hadir selaku tetamu kehormat dan seterusnya menyempurnakan penyampaian sijil penghargaan serta cenderahati kepada pesara.

BANDAR SERI BEGAWAN, Khamis, 30 November. - Khidmat pegawai-pegawai dan kakitangan yang pernah berkhidmat dahulu

akan sentiasa diingati dan dikenang kerana pencapaian serta kecemerlangan Perkhidmatan Awam pada masa ini banyak

bergantung pada kecekapan, ketekunan, kejujuran dan kewibawaan mereka.

Perkara tersebut digariskan oleh

Berita dan Foto :
Ak. Syi'aruddin Pg. Daudin

Pemangku Pengarah Pentadbiran dan Kewangan, Kementerian Pembangunan, Awang Mohamad Iskandar bin Haji Idris dalam ucapan alu-aluannya pada Majlis Penyampaian Sijil Penghargaan bagi Pegawai-Pegawai dan Kakitangan Kementerian Pembangunan dan Jabatan-Jabatan Di Bawahnya yang Bersara pada Tahun 2016 yang berlangsung di Dewan Indera Pahlawan, Kementerian Pembangunan, Berakas.

Terdahulu, beliau juga merakamkan ucapan penghargaan dan terima kasih kepada pihak Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan Kementerian Pembangunan, khususnya juga para pegawai serta kakitangan kementerian tersebut dan jabatan-jabatan di bawahnya yang memberikan khidmat bakti di sepanjang tempoh perkhidmatan mereka dengan kerajaan.

Hadir selaku tetamu kehormat dan seterusnya menyempurnakan penyampaian sijil penghargaan

serta cenderahati pada majlis tersebut ialah Menteri Pembangunan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Haji Bahrin bin Abdullah.

Ceramah Khas bertajuk 'Meniti Waktu Dunia Persaraan' yang disampaikan oleh Pegawai Tugas-Tugas Khas Tingkat II, Awang Yusof bin Haji Abd. Majid, Penceramah Undangan dari Kementerian Hal Ehwal Ugama.

Seramai 182 pesara dari Kementerian Pembangunan dan jabatan-jabatan di bawahnya disenaraikan sebagai penerima, yang mana daripada jumlah tersebut, 122 adalah pesara lelaki, manakala 60 ialah pesara perempuan pada tahun 2016.

Turut hadir ialah Setiausaha Tetap (Teknikal dan Profesional), Kementerian Pembangunan, Awang Haji Marzuke bin Haji Mohsin; Pemangku Timbalan Setiausaha Tetap Kementerian Pembangunan, Awang Shahrom bin Haji Suhaimi; ketua-ketua jabatan, ketua-ketua divisyen dan unit di Kementerian Pembangunan dan jabatan-jabatan di bawahnya.

SM RIPAS raikan pelajar cemerlang



PENGETUA SM RIPAS, Dayang Hajah Amal Nuriyah binti Haji Ahmad Kumpoh (kiri) menyampaikan Hadiah Cemerlang (Akademik) dan CCA kepada pelajar.

Siaran Akhbar dan Foto :
Sekolah Menengah Raja Isteri Pengiran Anak Saleha

BIRAU, TUTONG, Khamis, 30 November. - Majlis Penutup Penggal Persekolahan Bagi Tahun 2017 berlangsung di Dewan Serbaguna, Sekolah Menengah Raja Isteri Pengiran Anak Saleha (SM RIPAS), di sini.

Acara dimulakan dengan nyanyian lagu kebangsaan, bacaan Surah Al-Fatihah dan doa dibacakan oleh Awang Jullaihi bin Masri disusuli dengan ucapan Pengetua SM RIPAS, Dayang Hajah Amal Nuriyah binti Haji Ahmad Kumpoh.

Acara diselenggarakan dengan penyampaian Hadiah Cemerlang (Akademik) dan CCA, iaitu masing-masing tiga penuntut dari Tahun 7, 8, 9, 10, Pra Vokasional dan PEARSON BTEC Tahun 10 yang cemerlang dalam keputusan keseluruhan dalam Peperiksaan 'Student School Assessment II' bagi Tahun 2017.

Turut diraikan ialah pelajar yang memperoleh 5 Kredit dan ke atas bagi setiap peringkat kelas dan penyampaian sijil bagi program 'Pearson BTEC Level Certificate and Level 2 Extended Certificate in Art and

Design' dan juga 'Pearson BTEC Level Certificate in Hospitality' serta hadiah galakan bagi pelajar yang mendapat 100 peratus kedatangan sepanjang tahun 2017 bagi setiap peringkat kelas.

Majlis Penyampaian Hadiah Pelajar Cemerlang disempurnakan oleh pengetua sekolah berkenaan, diikuti dengan penyampaian hadiah CCA iaitu perlawanan bola sepak dan bola jaring antara kelas - kelas dan peraduan membuat Poster Kempen Minum Air Kosong.

Guru Terbaik Akademik Tahun 8 yang mendapat A* bagi setiap subjek juga dihargai, iaitu Awang Mohamad Azrin bin Haji Jafaruddin, Dayang Roslina binti Haji Tujoh, Awang Mazlien bin Maikal, Awang Samsul bin Haji Mohidin, Awang Jullaihi bin Masri, Gerard Drew, Gabriel Goh Lin Sen dan Dayang Mahzalina Nora binti Haji Alli Omar.

Majlis diserikan dengan beberapa persembahan iaitu Tausyeh, nyanyian (duet) dan berpantun serta tayangan video pertandingan 'Leisure and Style Competition'.

Keberangkatan Kebawah DYMM ke RPN Panchor Mengkubau mencerminkan keprihatinan

Oleh : Nooratini Haji Abas
Foto : Mohamad Azmi Awang Damit,
Haji Ariffin Mohd. Noor / Morshidi

BANDAR SERI BEGAWAN, Rabu, 29 November. - Keberangkatan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanah Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddin Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam ke Rancangan Perumahan Negara (RPN) Panchor Mengkubau mencerminkan keprihatinan baginda untuk meninjau secara dekat suasana persekitaran dan warga penduduk di RPN yang baharu itu.

Salah seorang penerima kurnia rumah kembar dari Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia, Awang Muhammad Saiful Hazmi bin Haji Rosman semasa ditemu bual oleh Pelita Brunei menyatakan, pengurniaan rumah tersebut bukan sahaja dapat dinikmati bersama dengan isteri dan dua orang anaknya tetapi sekali gus mengajar mereka hidup berdikari.

"Alhamdulillah dan terima kasih kepada Kerajaan Kebawah DYMM. Semoga baginda akan terus kekal karar memerintah di atas takhta dan seluruh rakyat akan dapat terus menerima kemudahan ini berpanjangan," tambahnya.

Sementara itu, bagi salah seorang penerima rumah teres Kampung Panchor Mengkubau, Dayang Hajah Masdianawaty binti Haji Tuah menyuarakan agar kemudahan - kemudahan seperti masjid, pos polis dibina di kampung tersebut bagi memberi

kemudahan dan keselamatan kepada warga penduduk di kampung tersebut.

Terdahulu, beliau tinggal bersama keluarganya di Kampung Lambak Kanan sebelum menerima perkenan daripada Kebawah DYMM Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam.

Kemudian, penerima rumah kembar Kampung Panchor, Awang Muhd. Khairul bin Haji Ahmad Kamil berasa teruja dan bertuah kerana dipilih sebagai salah seorang penerima dalam lawatan baginda bercemar duli ke kampung tersebut.

"Syukur ke hadirat Allah Subhanahu Wata'ala kerana

memberi peluang ini untuk bertemu dengan raja yang kami kasihi," ujarnya.

Dalam pada itu, ketiga penerima dari RPN Kampung Panchor tersebut menyembahkan setinggi-tinggi junjung kasih ke hadapan baginda di atas pengurniaan kunci tersebut walaupun ada di antara mereka menunggu sekian lama.

Sementara itu, seorang penerima lot tanah, Dayangku Nur Zirwatil Amal binti Pengiran Haji Mohamad, pula melahirkan rasa syukur kerana dikurniakan lot tanah pada bulan Oktober 2015.

Dengan adanya kurnia tanah seluas 0.0550 hektar tersebut, beliau dapat membina rumah sendiri pada tahun ini yang bukan sahaja memberi keselesaan kepada mereka sekeluarga malah dapat menjalankan kehidupan seharian dengan lebih baik lagi.



DAYANG Hajah Masdianawaty binti Haji Tuah.



AWANG Muhammad Saiful Hazmi bin Haji Rosman.

Brunei - Malaysia - Singapura bincang kepentingan undang-undang

Siaran Akhbar dan Foto :
Pejabat Peguam Negara

BANDAR SERI BEGAWAN, Khamis, 30 November. - Peguam Negara, Yang Berhormat Datin Seri Paduka Hajah Hayati binti Pehin Orang Kaya Shahbandar Dato Seri Paduka Haji Mohd. Salleh mengetuai delegasi Pejabat Peguam Negara (PPN) ke Acara Pejabat Peguam Ke-8 di antara Negara Brunei Darussalam, Malaysia dan Singapura yang dihoskan oleh PPN Malaysia.

Menurut Siaran Akhbar PPN, delegasi dari PPN Malaysia diketuai oleh Peguam Negara, Yang Berhormat Tan Sri Dato' Haji Mohamed Apandi bin Haji Ali, manakala PPN Singapura diketuai oleh Peguam Negara, Yang Berhormat Mr. Lucien Wong, SC.

Peguam Negara Malaysia, Yang Berhormat Tan Sri Dato' Sri Haji Mohamed Apandi, mengiktiraf kerjasama dan hubungan yang kukuh di antara ketiga-tiga PPN berkenaan.

Beliau juga mengakui persamaan yang wujud di antara ketiga-tiga PPN dan objektif bersama yang dikongsi di antara mereka. Dalam konteks dunia hari ini, di mana isu-isu yang dihadapi adalah di luar isu-isu undang-undang tradisional dan konvensional, pegawai-pegawai undang-undang perlu dilengkapi dengan pengetahuan dan mengikuti perkembangan terbaharu undang-undang serta bidang lain yang berpotensi memerlukan campur tangan undang-undang dan pengawalseliaan.

Untuk menjadi penasihat undang-undang, mereka mesti sedar dan memberi perhatian pada isu undang-undang yang sedang dibincangkan dalam bidang kuasa lain serta dalam forum antarabangsa yang lain.

Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri Malaysia, Yang Berbahagia Dato' Sri Azalina Dato' Othman Said dalam ucapannya menyedari betapa pentingnya ketiga-tiga PPN untuk terus membina hubungan mereka



PEGUAM Negara, Yang Berhormat Datin Seri Paduka Hajah Hayati binti Pehin Orang Kaya Shahbandar Dato Seri Paduka Haji Mohd. Salleh (lima, kiri) mengetuai delegasi Pejabat Peguam Negara (PPN) ke Acara Pejabat Peguam Ke-8 di antara Negara Brunei Darussalam, Malaysia dan Singapura yang dihoskan oleh PPN Malaysia.

yang dipupuk selama bertahun-tahun dalam memajukan agenda tiga negara mereka yang lebih besar.

Perhimpunan itu berfungsi sebagai forum penting untuk pertukaran pengetahuan dalam undang-undang dan amalan, khususnya di bidang yang mempunyai kepentingan bersama serta menyediakan platform untuk interaksi juga rangkaian di antara para pegawai di pelbagai peringkat pengalaman dan bidang kepakaran.

Acara tersebut adalah acara kali ke-8 sebagai bukti hubungan yang telah dikembangkan, bukan sahaja di antara PPN, tetapi juga hubungan diplomatik yang erat di negara-negara tersebut dan diselajurkan dengan pembentangan dari ketiga-tiga negara PPN.

Peguam-peguam negara dari ketiga negara dan delegasi turut mengambil bahagian dalam sesi ikatan yang melibatkan aktiviti pembinaan pasukan, bertujuan untuk meningkatkan lagi hubungan di antara tiga AGCs.

Perhimpunan PPN bermula pada tahun 2006 diadakan setiap dua tahun. Hubungan rapat di antara tiga AGC telah memberi manfaat kepada pegawai dengan membolehkan mereka menyertai program lampiran, bengkel dan latihan dalaman yang dianjurkan oleh AGC masing-masing.

Majlis Konvo murid Sekolah Nurul Falah



AHLI Majlis Mesyuarat Negara, Yang Berhormat Awang Haji Ramli bin Haji Lahit yang juga selaku Penghulu Mukim Telisai (kiri) menyampaikan sijil kepada murid Tadika 3.

Berita dan Foto : Dk. Vivy Malessa Pg. Ibrahim

sijil mereka pada Majlis Konvokesyen Ke-5 Tahun 2017 yang diadakan di Dewan Serambangun, di sini.

Hadir selaku tetamu kehormat, Ahli Majlis Mesyuarat Negara, Yang Berhormat Awang Haji Ramli bin Haji Lahit yang juga selaku Penghulu Mukim Telisai.

Guru Besar sekolah berkenaan, Dayang Hajah Nur Fadhliah binti Abu Bakar semasa berucap berkata, tahun hadapan 2018, Sekolah Nurul Falah akan menumpukan pendidikan bagi peringkat Tadika 1, 2 dan 3 sahaja mengikut dasar akta pendidikan terkini demi kebaikan dan keselamatan serta keselesaan murid-murid sekolah tersebut.

Pada majlis tersebut, tetamu kehormat menyempurnakan penyampaian sijil kepada graduan kecil yang terdiri dari murid-murid Tadika 3.

Sekolah tersebut telah memberikan perkhidmatan dalam bidang pendidikan kira-kira 10 tahun.

TUTONG, Rabu, 29 November. - Murid-murid Kelas Tadika 3 Sekolah Nurul Falah, Syarikat Kerjasama Kementerian Pendidikan / Penasihat Bersama sekolah tersebut menerima

SM Chung Hua juara Pertandingan Bigstart Ke-5



SETIAUSAHA Tetap Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan, Dr. Awang Haji Abdul Manaf bin Haji Metusin (enam, kiri) menyampaikan hadiah kepada Sekolah Menengah Chung Hua, Kuala Belait yang menjuarai Pertandingan Bigstart Ke-5 antara Sekolah-Sekolah Menengah, Maktab-Maktab dan Pusat Tingkatan Enam Tahun 2017.

Oleh : Saerah Haji Abdul Ghani
Foto : Dk. Nur Hafilah Pg. Osman

BANDAR SERI BEGAWAN, Rabu, 29 November. - Sekolah Menengah Chung Hua, Kuala Belait menjuarai Pertandingan Bigstart Ke-5 di antara Sekolah-Sekolah Menengah, Maktab-Maktab dan Pusat Tingkatan Enam (PTE) Tahun 2017.

Tempat kedua disandang oleh Sekolah Menengah Sultan

Sharif Ali diikuti tempat ketiga, Sekolah St. George's.

Hadir selaku tetamu kehormat dan seterusnya menyampaikan hadiah-hadiah kepada para pemenang pada majlis yang berlangsung di Dewan Auditorium, Bangunan Tambahan Jabatan Penerangan di sini ialah Setiausaha Tetap Kementerian Sumber-Sumber Utama dan

Pelancongan, Dr. Awang Haji Abdul Manaf bin Haji Metusin.

Pertandingan Bigstart Ke-5 itu merupakan projek keusahawanan yang diadakan secara tahunan untuk menegakkan SPN21 dengan mendedahkan bidang keusahawanan dalam kalangan pelajar.

Pada tahun ini, pertandingan bigstart dianjurkan oleh Jabatan Pendidikan Kokurikulum, Kementerian Pendidikan melalui Unit Akli dengan kerjasama Bank Islam Brunei Darussalam (BIBD)

dan Radio Televisyen Brunei.

Sebanyak 11 buah sekolah menengah, maktab-maktab dan PTE menyertai peringkat saringan yang diadakan pada 31 Julai dan 1 Ogos lalu dan hanya lima pasukan terpilih ke peringkat akhir iaitu Sekolah Menengah Berakas, Sekolah Menengah Sultan Sharif Ali, Pusat Tingkatan Enam Meragang, Sekolah Menengah Chung Hua Kuala Belait dan Sekolah St George's.

Para finalis memulakan perniagaan mereka dari 3 Ogos lalu (Penyerahan Wang Model)

sehingga 9 November (tarikh penghantaran laporan akhir Bigstart) yang mana kelima-lima kumpulan finalis juga akan mendermakan BND200 dari hasil pendapatan mereka dari pertandingan ini bersama pihak BIBD juga akan turut memberi sumbangan sebanyak BND300 kepada lima individu yang kurang bernasib baik terdiri daripada ibu tunggal.

Tujuan utama pertandingan diadakan bagi mewujudkan kreativiti pelajar dalam perancangan projek perniagaan.

Pelajar terbaik terima penghargaan



TIMBALAN Menteri Pembangunan, Yang Mulia Dato Seri Paduka Awang Haji Suhaimi bin Haji Gafar (kiri) hadir selaku tetamu kehormat dan menyempurnakan penyampaian hadiah dan sijil kepada pelajar pada Majlis Penyampaian Hadiah Pelajar Terbaik dan Konvokesyen bagi pelajar Tadika dan Tahun 6.

Berita dan Foto : Rohani Haji Abdul Hamid

BANDAR SERI BEGAWAN, Khamis, 30 November. - Sekolah Pembelajaran Tinkerbell mengadakan Majlis Penyampaian Hadiah Pelajar Terbaik dan Konvokesyen bagi pelajar Tadika dan Tahun 6. Hadir selaku tetamu kehormat dan seterusnya menyempurnakan penyampaian hadiah dan sijil kepada para pelajar tersebut ialah Timbalan Menteri Pembangunan, Yang Mulia Dato Seri Paduka Awang Haji Suhaimi bin Haji Gafar.

Atur cara majlis dimulakan dengan perarakan masuk pelajar-pelajar Tadika 3 dan Tahun 6 ke Dewan Pusat Belia, di sini diikuti Lagu Kebangsaan 'Allah Peliharakan Sultan' serta Doa Selamat. Majlis diteruskan dengan ucapan alu-aluan daripada Pengetua Sekolah Pembelajaran Tinkerbell, Dayang Idil Rahmah binti Abdullah. Persembahan pentas daripada para pelajar sekolah tersebut turut memeriahkan majlis.

Seminar EEZ beri kefahaman mengenai keselamatan maritim

MUARA, Khamis, 30 November. - Kementerian Pertahanan dan Angkatan Bersenjata Diraja Brunei (ABDB) menganjurkan Seminar Asia Pacific Regional Exclusive Economic Zone (EEZ) 2017 dengan sokongan dari Pejabat Penasihat Pertahanan, Suruhanjaya Tinggi United Kingdom di Negara Brunei Darussalam bermula 27 November 2017 dan berakhir dengan penyampaian sijil kepada peserta.

Seminar yang diadakan di Dewan Nakhoda, Pusat Latihan Tentera Laut itu ditutup secara rasmi oleh Pemerintah ABDB, Yang Dimuliakan Pehin Datu Pekerma Jaya Mejar Jeneral Dato Paduka Seri Mohd. Tawih bin Abdullah selaku tetamu kehormat pada Majlis Penutup Seminar EEZ yang berlangsung di Bangunan Pusat Latihan, Tentera Laut Diraja Brunei, di sini.

Terdahulu, Leftenan Komander Ted Bath, Royal Navy sebagai fasilitator mengucapkan tahniah kepada peserta - peserta yang mengikuti seminar tersebut.

Tetamu kehormat dalam ucapan alu-aluannya menjelaskan, laut adalah salah satu daripada komuniti global yang telah menjadi penyumbang penting bagi banyak aktiviti ekonomi dunia hari ini.

Oleh itu, adalah penting bagi ruang yang besar itu digunakan dengan hati - hati mengikut pemahaman peraturan undang-undang.

Di Negara Brunei Darussalam tambahna, majoriti hasil negara berasal dari eksport produk minyak dan gas yang melintasi laut.

"Oleh itu, saya menggalakkan lebih banyak inisiatif seperti seminar ini untuk dianjurkan pada masa akan datang.

Terdapat begitu banyak yang

Oleh : Rohani Haji Abdul Hamid
Foto : Hamzah Mohidin

kita boleh belajar dari satu sama lain dan menyelesaikan cabaran bersama," ujarnya.

Seminar tersebut juga jelasnya, sebagai platform untuk mengadakan perbincangan yang telus dan terbuka mengenai hal-hal maritim sambil meningkatkan kepercayaan dan memupuk kerjasama.

Seminar tersebut dihadiri oleh 57 pegawai, termasuk 23 pegawai dari Kemboja, China, Republik Indonesia, Laos, Malaysia, Republik Filipina, Korea, Republik Singapura, Thailand, Amerika Syarikat dan Viet Nam.

Turut menyertai seminar ialah para pegawai dari pelbagai jabatan

di bawah Jabatan Perdana Menteri, Kementerian Kewangan, Kementerian Pembangunan, Kementerian Perhubungan, Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan serta Kementerian Pertahanan dan ABDB.

Seminar tersebut dikendalikan oleh tenaga pengajar dari 'International Commonwealth Training Unit' (ICTU) daripada 'Maritime Warfare School, HMS Collingwood' United Kingdom, bertujuan bagi memberi pemahaman yang luas mengenai keselamatan maritim dalam EEZ serta memberikan pengetahuan untuk menangani ancaman maritim dengan lebih baik.



PEMERINTAH ABDB, Yang Dimuliakan Pehin Datu Pekerma Jaya Mejar Jeneral Dato Paduka Seri Mohd. Tawih bin Abdullah (kiri) menyampaikan sijil kepada seorang peserta dari luar negara.

Terus barigakan maklumat semasa kepada rakyat

Berita dan Foto : Haji Ariffin Mohd. Noor / Morshidi

MUARA, Khamis, 30 November. - Program Sua Muka atau dikenali dengan *personal contact* dalam suasana yang muhibah merupakan sebuah landasan bagi Jabatan Penerangan, Jabatan Perdana Menteri secara berterusan mendekati dan membarigakan maklumat kepada rakyat dan penduduk di segenap pelusuk negara ini menerusi institusi penghulu dan ketua kampung.

Dikendalikan melalui Unit Hubungan Masyarakat, Bahagian Kenegaraan dan Kemasyarakatan, Jabatan Penerangan, program berkenaan akan secara berterusan menjalin kolaborasi erat dalam hal ehwal kemasyarakatan di mana para pegawai dan kakitangan dari tersebut berpeluang untuk mendengarkan permasalahan dan cadangan-cadangan daripada rakyat dan penduduk di kawasan berkenaan yang seterusnya akan disalurkan kepada agensi-agensi dalam kerajaan yang berkaitan bagi penilaian dan tindakan selanjutnya.

Peluang bersua muka ini dapat dijadikan wadah untuk menyampaikan maklumat-maklumat terkini dan usaha-usaha kerajaan kepada pemimpin akar umbi untuk dikongsikan bersama penduduk-penduduk kampung.

Terdahulu, Pemangku Pengarah

Penerangan, Awang Mawardi bin Haji Mohammad mengetuai rombongan pegawai dan kakitangan Jabatan Penerangan berkunjung ke kediaman Ketua Kampung Pekan Lama / Kampung Sabun / Kampung Pelumpang / Kampung Serasa dan Kampung Rancangan Perumahan Negara Serasa, Yang Berhormat Pengiran Haji Mohamed bin Pengiran Haji Osman @ Othman, di Kampung Sabun, Jalan Perusahaan Muara.

Semasa berlangsungnya program ini, ketua kampung bersama-sama dengan Ahli-ahli Majlis Perundingan Kampung (MPK) turut mengusulkan beberapa pandangan antaranya, cadangan yang berkaitan dengan prasarana, alam sekitar, kebajikan dan juga kemudahan awam.

Dalam masa yang sama pihak jabatan turut menyentuh mengenai penggunaan bendera negara, kain rentang (*banner*) dan bahan-bahan yang mempunyai kepentingan nasional serta bahan-bahan bacaan mengenai Wawasan Brunei 2035 dan Perintah Kanun Hukuman Jenayah Syaria'iah 2013 yang disampaikan oleh Pemangku Pengarah Penerangan sendiri. Beliau turut menyentuh mengenai Program Masyarakat Bermaklumat (PMB), yang merupakan salah satu landasan



PEMANGKU Pengarah Penerangan, Awang Mawardi bin Haji Mohammad (tengah) semasa mengongsikan bahan-bahan penerbitan pada Program Sua Muka di kediaman Ketua Kampung Pekan Lama / Kampung Sabun / Kampung Pelumpang / Kampung Rancangan Perumahan Negara Serasa, Yang Berhormat Pengiran Haji Mohamed bin Pengiran Haji Osman @ Othman, di Kampung Sabun, Jalan Perusahaan Muara (kiri).

yang boleh disertai oleh penduduk-penduduk kampung secara berkumpulan. PMB tersebut dihasratkan dapat menyampaikan maklumat rasmi mengenai dasar dan maksud kerajaan agar semua anggota masyarakat memahami, menyokong dan menghayatinya secara berkesan melalui penyampaian taklimat,

sesi dialog dan siri lawatan.

Pada masa yang sama, perkembangan dan kemajuan kampung turut diterokai, terutamanya produk hasil laut seperti keropok yang mana telah menembusi pasaran luar negara serta memperkenalkan aktiviti perekonomian lainnya kepada orang ramai melalui penulisan

rencana menerusi ruangan Kenali Negara Kitani (KNK) yang disiarkan dalam akhbar rasmi kerajaan Pelita Brunei, selaras dengan peranan Jabatan Penerangan sebagai lidah, mata dan telinga kerajaan.

Turut diterangkan ialah Aplikasi Mudah Alih Jabatan Penerangan, iaitu *InfoDeptBN*.



MARILAH kita meningkatkan ketakwaan kita kepada Allah Subhanahu Wata'ala dengan penuh keyakinan dan keikhlasan dengan melakukan segala suruhan-Nya dan meninggalkan segala larangan-Nya. Mudah-mudahan kita menjadi insan yang beriman dan bertakwa serta selamat di dunia dan selamat di akhirat.

Alhamdulillah, kita sekarang berada di bulan Rabiulawal, bulan yang telah mencatatkan peristiwa penting dalam sejarah Islam. Dalam bulan inilah lahirnya Junjungan Besar kita Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam, insan yang paling mulia di sisi Allah Subhanahu Wata'ala. Sesungguhnya Baginda Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam adalah penutup segala anbia dan kelahiran Baginda telah membawa sinar dan rahmat ke seluruh alam.

Firman Allah Subhanahu Wata'ala dalam Surah Al-Anbia, ayat 107 :

Tafsirnya : "Dan Kami tidak mengutus engkau wahai Nabi Muhammad melainkan untuk menjadi rahmat bagi sekalian alam."

Sesungguhnya Allah Subhanahu Wata'ala memerintahkan kita supaya mencintai dan mengasihi Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam dengan mengikut sunnah yang dibawa oleh Baginda. Salah satu antara cara kita menunjukkan rasa cinta dan kasih kita kepada Baginda ialah dengan membanyakkan selawat. Sesungguhnya Allah Subhanahu Wata'ala dan para Malaikat juga berselawat ke atas Baginda. Adapun maksud selawat daripada Allah Subhanahu Wata'ala terhadap Baginda itu adalah bererti rahmat dan keredaaan Allah Subhanahu Wata'ala untuk Baginda Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam. Selawat daripada Malaikat bererti doa-doa dan memohon keampunan untuk Baginda dan selawat daripada

Menzahir rasa cinta kepada Rasulullah

umat Islam bererti doa-doa memohon supaya Allah Subhanahu Wata'ala melimpahkan rahmat, menambahkan kemuliaan, kehormatan dan kepujian kepada Baginda.

Ketahuilah selawat adalah disunatkan untuk dilafazkan pada bila-bila masa sahaja tanpa mengira waktu dan bukan hanya dilafazkan pada waktu-waktu tertentu seperti bulan Rabiulawal atau hari kelahiran Baginda sahaja. Selawat memang cukup mudah untuk dilafazkan dan tidak mengambil masa yang lama untuk melakukannya dan sekurang-kurangnya lafaz itu ialah :

اللَّهُمَّ صَلِّ عَلَى مُحَمَّدٍ، وَعَلَى آلِ مُحَمَّدٍ

Ketahuilah, semakin banyak kita berselawat, semakin besar pula ganjaran yang akan kita perolehi, antara kelebihan orang yang berselawat itu ialah :-

- Allah Subhanahu Wata'ala akan berselawat (memberi rahmat, cahaya dan ganjaran) kepada orang yang berselawat.

- Mendapat syafaat Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam di akhirat kelak.

- Setiap satu selawat diangkat baginya 10 darjat dan dicatatkan baginya 10 kebajikan serta dihapuskan daripadanya 10 kejahatan.

- Dimakbulkan doa-doanya, ditunaikan hajatnya dan ditutup aibnya.

- Mendapat petunjuk serta hatinya terbuka untuk menerima cahaya kebenaran.

- Terlepas daripada huru-hara pada hari kiamat.

- Menjauhkan kerugian, penyesalan dan tergolong ke dalam golongan orang-orang yang soleh.

Melihat betapa banyaknya ganjaran bagi orang yang berselawat, maka ingatlah ruginya jika kita tidak memperbanyakkan selawat dan menjadikannya sebagai zikir dan amalan harian. Ketahuilah, banyak jenis selawat yang boleh diamalkan, antara selawat-selawat yang masyhur adalah Selawat Ibrahimiah, Selawat Al-Munziah, Selawat As-Syifa, Selawat At-Tafrijiyyah dan lain-lain lagi.

Selawat Al-Munjiah telah disebutkan kelebihanannya oleh Al-Imam Al-Faqihani setelah mendengar daripada Sheikh Musa Adhdharir Rahimallahu Ta'ala bahawa Sheikh Musa pernah belajar di tengah-tengah lautan yang besar bersama-sama dengan beberapa orang anak kapal yang lain. Tiba-tiba kapal mereka dipukul ribut yang amat dahsyat. Sheikh Musa yang tertidur kerana keletihan telah bermimpi didatangi oleh Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam yang memerintahkan beliau dan semua anak kapal itu supaya membaca Selawat

Al-Munjiyat sebanyak 1,000 kali, tetapi bila dibaca 300 kali sahaja, dengan izin Allah Subhanahu Wata'ala angin pun berhenti dan laut menjadi tenang.

Sehingga hari ini, ramailah ulama-ulama dan pengarang-pengarang kitab menganjurkan kepada orang-orang Islam mengambil tabarak dengan bilangan-bilangan yang disebutkan itu. Lafaz Selawat Al-Munjiyat itu ialah :

اللَّهُمَّ صَلِّ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ صَلَاةً تُنَجِّنَا بِهَا مِنْ جَمِيعِ الْأَهْوَالِ وَالْآفَاتِ وَتَقْضِي لَنَا بِهَا جَمِيعَ الْحَاجَاتِ وَتُطَهِّرَنَا بِهَا مِنْ جَمِيعِ السَّيِّئَاتِ وَتَرْفَعَنَا بِهَا عِنْدَكَ أَعْلَى الدَّرَجَاتِ وَتُبَلِّغَنَا بِهَا أَقْصَى الْغَايَاتِ مِنْ جَمِيعِ الْخَيْرَاتِ فِي الْحَيَاةِ وَتُعْذِرَ الْمَمَاتِ بِرَحْمَتِكَ يَا أَرْحَمَ الرَّاحِمِينَ

Maksudnya : "Ya Allah limpahkanlah rahmat kepada junjungan kita Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam, yang dengan rahmat itu Engkau akan menyelamatkan kita dari semua keadaan yang mendebarakan dan dari semua cubaan, yang dengan rahmat itu Engkau akan mendatangkan kepada kita hajat, yang dengan rahmat itu Engkau akan membersihkan kita dari semua keburukan atau kesalahan. Yang dengan rahmat itu Engkau akan mengangkat kita kepada setinggi-tinggi darjat. Yang dengan rahmat itu pula Engkau akan menyampaikan kita kepada sesempurnanya semua maksud dari semua kebaikan pada waktu hidup dan setelah mati."

Selawat At-Tafrijiyyah atau An-Nariyyah di dalam Kitab Al-Jauhar Al-Mauhub Wa Munabbihat Al-Qulub, Imam Ad-Dinauri ada menyatakan : Barang siapa membaca selawat ini 11 kali pada tiap-tiap selepas sembahyang, nescaya tidaklah putus rezekinya dan dia akan mencapai martabat yang tinggi. Begitu juga Imam Al-Qurtubi ada berkata :

"Barang siapa membaca selawat ini tiap-tiap hari sebanyak 41 kali atau 100 kali atau lebih, diangkat oleh Allah Subhanahu Wata'ala akan dukacitanya dan martabatnya dan diluaskan rezekinya dan dibukakan baginya segala pintu kebajikan."

Lafaz selawat At-Tafrijiyyah atau An-Nariyyah itu ialah :

اللَّهُمَّ صَلِّ صَلَاةً كَامِلَةً، وَسَلِّمْ سَلَامًا تَامًا عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ الَّذِي تَنَحَّلَ بِهِ الْعَقْدَ، وَتَنَفَّحَ بِهِ الْكُرْبَ، وَتَقَضَّى بِهِ الْخَوَاتِجَ، وَتَنَالَهُ بِهِ الرِّغَابُ، وَخَسَّنَ الْخَوَاتِيمَ، وَتَسْتَقْبِلُ الْقَمَامَ بِوَجْهِهِ الْكَرِيمِ، وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ فِي كُلِّ لَمَحَةٍ وَتَنْصِبَ بَعْدَ كُلِّ مَعْلُومٍ لَكَ

Maksudnya : "Ya Allah! Limpahkanlah rahmat yang sempurna dan berilah kesejahteraan yang sempurna kepada Junjungan kita Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam yang

menjadi sebab terlepasnya sesuatu yang masih mengalami jalan buntu dan terbukanya kesempitan serta didatangi semua hajat dan diperoleh semua pemberian serta Husnul Khatimah (sempurna akhir hayatnya) dan diturunkan siraman mendung hujan lantaran keagungan Baginda. Dan limpahkanlah rahmat dan salam kepada keluarga Baginda dan sihat di dalam setiap kerlipan mata dan nafas dengan bilangan semua yang diketahui oleh mu, wahai zat yang menguasai seluruh alam."

Bersempena bulan yang mulia ini, umat Islam di seluruh dunia memperingati Hari Kelahiran Junjungan Besar kita Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam dengan mengadakan aktiviti-aktiviti keagamaan dan kita di Negara Brunei Darussalam juga tidak ketinggalan memperingati kelahiran Baginda dengan menganjurkan berbagai-bagai acara kegamaan, seperti Majlis Dikir Syarafil Anam selama 12 malam berturut-turut di masjid-masjid, surau-surau dan balai-balai ibadat di seluruh negara. Di samping itu, di adakan juga majlis-majlis ceramah agama, forum-forum dan acara kemuncak perarakan Maulud Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam peringkat negara. Semua itu kita adakan bagi menzahirkan rasa kecintaan terhadap Junjungan Besar kita Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam.

Oleh yang demikian, sama-samalah kita sentiasa membanyakkan, menghayati dan mengamalkan selawat pada setiap masa dan ketika kerana selawat adalah ibadat, ubat, penawar dan cahaya. Bagi yang mengikuti perarakan sempena Maulud Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam, sama-samalah kita menggemakan suasana perarakan itu dengan laungan selawat agar perarakan yang dilakukan tidaklah semata-mata berjalan sahaja, bahkan perarakan yang dilakukan adalah sebagai ibadat, ingatan dan kasih sayang kita terhadap Baginda Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam. Mudah-mudahan selawat yang kita baca dengan rasa kasih sayang itu kita akan beroleh syafaat daripada Baginda di hari akhirat kelak.

Aamiin Ya Rabbal Alamin. Surah An-Nisa, ayat 80.

Tafsirnya : "Sesiapa yang taat kepada Rasulullah, maka sesungguhnya ia telah taat kepada Allah, dan sesiapa yang berpaling daripada ketaatan itu, maka (janganlah engkau berdukacita wahai Nabi Muhammad) kerana kami tidak mengutus engkau untuk menjadi pemelihara mereka daripada melakukan kesalahan."

Majlis Penutup Dikir Maulud Kementerian Pertahanan dan ABDB

Oleh : Saerah Haji Abd Ghani

Foto : Pg. Amirulnizam Pg. Haji Mohd. Ali

BANDAR SERI BEGAWAN, Jumaat, 1 Disember. - Majlis Penutup Dikir Maulud yang diadakan selama 12 malam berturut-turut telah diadakan secara serentak di semua surau seluruh perkhemahan Angkatan Bersenjata Diraja Brunei (ABDB).

Kementerian Pertahanan juga tidak ketinggalan dalam mengadakan Majlis Penutup Dikir Ashrakal dan Syarafil Anam di Surau Ad-Difa', Bolkiah Garrison, di sini.

Hadir pada majlis tersebut ialah Pemerintah ABDB, Yang Dimuliakan Pehin Datu Pekerma Jaya Mejar Jeneral Dato Paduka

Seri Awang Mohd. Tawih bin Abdullah.

Atur Cara majlis diisikan dengan bacaan ayat-ayat suci Al-Quran, Sembahyang Fardu Maghrib dan Fardu Isyak Berjemaah yang diimamkan oleh Imam Tingkat III, Kementerian Pertahanan, Awang Suhif bin Haji Abdullah serta Ceramah Khas bertajuk 'Rasulullah Qudwah Pemimpin Adil' yang disampaikan oleh penceramah jemputan dari Pusat Da'wah Islamiah, Dr. Andas Haji Ismuhadi bin Haji Abdullah.

Majlis Dikir Maulud tersebut merupakan aktiviti tahunan anjuran Kementerian Pertahanan dan ABDB serta unit-unitnya



PEMERINTAH ABDB, Yang Dimuliakan Pehin Datu Pekerma Jaya Mejar Jeneral Dato Paduka Seri Awang Mohd. Tawih bin Abdullah (empat, kanan) semasa hadir pada Majlis Penutup Dikir Ashrakal dan Syarafil Anam di Surau Ad-Difa', Bolkiah Garrison.

sempena memperingati dan menyambut Hari Keputeraan Junjungan Besar Nabi Muhammad

Sallallahu Alaihi Wasallam. Turut hadir ialah Pemerintah Angkatan Bersama, pegawai-

pegawai kanan, serta pegawai-pegawai dan kakitangan Kementerian Pertahanan.

Kejayaan pelajar kebanggaan ibu bapa



SETIAUSAHA Tetap di Jabatan Perdana Menteri, Awang Mohammed Riza bin Dato Paduka Haji Mohammed Yunos (kiri) menyampaikan hadiah kepada pelajar cemerlang pada Majlis Penyampaian Hadiah Akademik dan Kokurikulum yang berlangsung di Dewan Serbaguna, Sekolah Menengah Yayasan Sultan Haji Hassanali Bolkiah.

Berita dan Foto : Ak. Syi'aruddin Pg. Daudin

BANDAR SERI BEGAWAN, Rabu, 29 November. - Ibu bapa memainkan peranan yang sangat penting dalam kejayaan anak-anak mereka sendiri.

Pengetua Sekolah Menengah Yayasan Sultan Haji Hassanali Bolkiah (SM YSHHB), Chong Li Chen juga menegaskan bahawa kejayaan setiap anak-anak pula akan menjadi kebanggaan kepada para ibu bapa.

Perkara tersebut dijelaskan oleh Chong Li Chen semasa menyampaikan ucapan alu-aluannya pada Majlis Penyampaian Hadiah Akademik dan Kokurikulum yang berlangsung di Dewan Serbaguna, SM YSHHB, di sini.

Terdahulu, Pengetua SM YSHHB menjelaskan, setiap pelajar mempunyai potensi untuk

mencapai keputusan yang cemerlang.

"Saya yakin setiap pelajar akan mencapai keputusan yang cemerlang sekiranya pelajar tersebut sentiasa fokus dan berazam. Ketabahan adalah kunci pada kejayaan," terang beliau lagi.

Penyampaian hadiah kepada 57 pelajar cemerlang disempurnakan oleh tetamu kehormat majlis, Setiausaha Tetap di Jabatan Perdana Menteri, Awang Mohammed Riza bin Dato Paduka Haji Mohammed Yunos.

Sementara itu, lapar pelajar sekolah berkenaan telah dianugerahkan sebagai Pembaca Terbaik dari Tahun 7 dan 8, yang mana penganugerahan tersebut diberikan berdasarkan komitmen pelajar dalam Program DEAR

(Drop Everything and Read) yang dianjurkan oleh Jabatan Bahasa Inggeris, SM YSHHB.

Manakala dua pelajar pula telah terpilih sebagai Pelajar Terbaik dalam Kokurikulum, iaitu bagi Kategori Pelajar Lelaki dianugerahkan kepada Awangku Md. Nukman Syawqi bin Pengiran Mohammad Salimin, sementara Kategori Perempuan pula dianugerahkan kepada Dayang Iffah Solehah binti Haji Aznan.

Awangku Md. Nukman Syawqi juga menerima anugerah Pelajar Terbaik Secara Keseluruhan (Akademik dan Kokurikulum) dan Anugerah Pelajar Terbaik dalam mata pelajaran English, Mathematics, Biology, Chemistry, Physics, Computer Studies dan Additional Maths.

Manakala Kelab Bola Jaring telah mendapat tempat pertama dalam penganugerahan Kelab Terbaik dalam Kokurikulum.

Pertandingan Fotografi BDF 2017 berakhir 13 Januari 2018

Berita dan Foto : Marlinawaty Hussin

BANDAR SERI BEGAWAN, Khamis, 30 November. - Pertandingan Fotografi Brunei Disember Festival 2017 (BDF 2017) mula dibuka mulai hari ini sehingga 13 Januari 2018.

Pertandingan tersebut dibahagikan pada dua kategori, iaitu Kategori BDF 2017 bagi foto-foto menarik dan kreatif yang diambil sepanjang acara-acara BDF 2017 dan Kategori Tempat-Tempat Menarik di Negara Brunei Darussalam.

Setiap peserta berpeluang untuk memenangi wang tunai berjumlah BND1,000 dan sebuah kamera bagi setiap kategori.

Pengerusi Bersama Jawatankuasa Pertandingan, Awang Hamdani bin Haji Mustapa menjelaskan perkara itu pada Sidang Media mengenai yang diselenggarakan dengan pelancaran pertandingan tersebut di One Stop Centre, Politeknik Brunei, di sini.

Hadir selaku tetamu khas pada

pertandingan tersebut ialah Timbalan Setiausaha Tetap Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan (KSSUP), Awang Wardi bin Haji Mohammad Ali.

Turut hadir Penolong Pengarah Politeknik Brunei, Awang Alias bin Haji Abu Bakar dan wakil-wakil dari Progresif Cellular Sendirian Berhad (PCSB).

Objektif pertandingan adalah sebagai wadah bagi penggiat dan peminat seni fotografi untuk memperkembangkan serta mempamer bakat seni fotografi mereka.

Ia juga merupakan antara acara pengisian bulan pelancongan BDF 2017 bagi menggalakkan para pelancong berkunjung ke negara ini.

Pertandingan tersebut dibuka kepada semua rakyat dan penduduk di negara ini dan para peserta boleh menyertai kedua-dua kategori berkenaan yang dianjurkan oleh Politeknik Brunei



TIMBALAN Setiausaha Tetap Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan, Awang Wardi bin Haji Mohammad Ali (tengah) pada Sidang Media mengenai Pertandingan Fotografi Brunei Disember Festival 2017.

dengan kerjasama serta sokongan Jabatan Kemajuan Pelancongan, KSSUP dan PCSB sebagai penaja utama.

Maklumat lanjut mengenai pertandingan, borang dalam talian dan penghantarannya boleh didapatkan melalui laman

sesawang Politeknik Brunei www.pb.edu.bn dan melalui link di laman sesawang KSSUP www.bruneitourism.travel.



Serlahkan kreativiti penulisan awda dengan menyertai ruangan ini :

TAJUK-TAJUK MINDA PEMBACA :

1. 'Manfaatkan Cuti Persekolahan Dengan Aktiviti Berfaedah'. Tarikh Tutup : 6 Disember 2017
2. 'Kemajuan Bandar Seri Begawan Daya Tarikan Pengunjung'. Tarikh Tutup : 13 Disember 2017
3. 'Perniagaan Petak Kiub Luaskan Peluang Berniaga'. Tarikh Tutup : 20 Disember 2017

Terma dan Syarat :

1. Penyertaan dibuka kepada remaja yang berusia lingkungan 15 hingga 25 tahun, yang terdiri daripada rakyat dan penduduk Negara Brunei Darussalam kecuali warga Jabatan Penerangan.
2. Pendapat awda hendaklah ditaip jarak langkau dua baris dan panjang pendapat awda mestilah antara 200 hingga 300 patah perkataan.
3. Nama penuh, nombor kad pengenalan, alamat lengkap dan nombor telefon hendaklah disertakan dan dihantar kepada :

Sidang Pengarang, Minda Pembaca
Bahagian PELITA BRUNEI, Jabatan Penerangan
Lapangan Terbang Lama, Berakas
Bandar Seri Begawan, BB3510
Negara Brunei Darussalam.
atau melalui

E-mel : pelita.brunei@information.gov.bn

4. Penyertaan terbaik akan disiarkan dalam Akhbar Rasmi Kerajaan PELITA BRUNEI dan pemenang akan menerima hadiah wang tunai sebanyak BND75.00.

Tunggu apa lagi... Hantarkan pendapat awda sekarang

e-mel ke: pelita.brunei@information.gov.bn



Terma dan Syarat :

1. Penyertaan dibuka kepada orang ramai terdiri daripada rakyat dan penduduk Negara Brunei Darussalam kecuali warga Jabatan Penerangan.
2. Gambar yang dihantar hendaklah dalam format JPEG dengan ukuran gambar 7" x 5" 300 dpi dan disertakan penerangan ringkas tidak melebihi 100 perkataan.
3. Setiap gambar perlu diberi keterangan mengenai jenis kamera yang digunakan (DSLR/compact/kamera telefon), konfigurasi kamera (ISO, Aperture dan shutter speed)
4. Nama penuh, nombor kad pengenalan, alamat lengkap dan nombor telefon hendaklah disertakan dan dihantar melalui :
pelita.brunei@information.gov.bn
5. Jabatan Penerangan adalah dibenarkan untuk menggunakan gambar yang terpilih dalam mana-mana terbitan jabatan.
6. Gambar terpilih akan memenangi wang saku hati BND50.00.

Tajuk akan datang :

- 1) 'Buku' (tarikh tutup 9 Disember 2017)
 - 2) 'Mercuri Tanda' (tarikh tutup 23 Disember 2017)
 - 3) Kanak-Kanak Masuk Sekolah (tarikh tutup 6 Januari 2018)
- Tutup pada jam 12.00 tengah hari pada tarikh-tarikh tutup berkenaan.



Kuih Tradisi Brunei 'Penyaram'

Berita dan Foto :
Hajah Siti Zuraihah Haji Awang Sulaiman



SELAIN menjual Penyaram, Dayang Hajah Timidah binti Haji Timbang juga menjual beberapa lagi kuih tradisi tempatan di petaknya seperti Kuih Ardang, Baulu, Seri Muka, Gatas, Selurut dan bermacam-macam lagi.

SEPERTI negara-negara lain, negara kita juga mempunyai makanan tradisinya tersendiri yang setentunya cukup unik dan berbeza dengan negara luar, kuih-muih tradisi tempatan mempunyai pelbagai jenis yang terkenal dalam kalangan masyarakatnya kerana ia mudah diperolehi harganya pun berpatutan.

Selain itu, cara pembuatannya pun cukup mudah dengan rasa yang sedap dan menyelerakan.

Antara kuih-muih tradisi tempatan yang paling dikenali di negara kita termasuk Ardang, Baulu, Cincin, Kuih Pancit, Penyaram, Tapai, Wajid dan bermacam-macam lagi.

Selain dijual di kedai-kedai, pasar raya dan tamu, kuih-muih tradisi tersebut juga sering dihidangkan pada acara-acara keraian seperti Majlis Perkahwinan, Majlis Doa Selamat, Majlis Berbedak dan sebagainya.

Salah seorang pengusaha tempatan yang mahir dalam

pembuatan kuih-muih tradisi berkenaan ialah Dayang Hajah Timidah binti Haji Timbang dari Kampung Lambak Kanan yang sudah lebih 30 tahun berkecimpung dalam pembuatan kuih-muih tempatan.

Keinginannya bermula daripada tunjuk ajar keluarga serta rakan-rakan beliau dan secara perlahan-lahan ia menjadi sebagai sumber pendapatannya sehingga ke hari ini.

Di mana beliau menjual kuih-muih tradisi berkenaan di Pasar Pelbagai Barangan Gadong di Petak B28 pada setiap malam.

Sebelum itu, beliau hanya menerima tempahan dari rumah dan apabila perniagaannya berkembang, beliau kemudiannya berhasrat untuk menjualnya terus di Gerai Malam Gadong untuk memberi kesenangan orang ramai untuk membeli.

Menurut beliau, salah satu kuih tradisi yang paling digemari oleh penggemarnya ialah Kuih

Penyaram, berwarna coklat dengan berbentuk seakan-akan 'UFO', di mana cara pembuatan kuih tersebut juga sangat mudah dan hanya memerlukan bahan-bahan yang sedikit.

Dengan teksturnya yang lembut dan rangup di tepinya, kuih Penyaram hanya memerlukan beberapa bahan utama, antaranya Tepung Beras, Tepung Gandum, Gula Pasir, Gula Melaka dan air serta minyak untuk menggoreng.

Selain menjual Penyaram, beliau juga menjual beberapa lagi kuih tradisi tempatan di petaknya seperti Kuih Ardang, Baulu, Seri Muka, Gatas, Selurut dan bermacam-macam lagi.

Orang ramai yang ingin menempah dan membeli terus bolehlah berkunjung ke Petak B28, Pasar Pelbagai Barangan Gadong pada setiap hari, di mana beliau mula menjual sekitar jam 4.00 petang hingga 10.00 malam.



KUIH Penyaram.



KUIH Ardang.



KUIH Baulu.

Kampung Pelambayan hasilkan pelbagai produk kampung



Rencana dan Foto :
Noriah Haji Abdul Hamid

KALI ini Pelita Brunei berpeluang berkunjung ke Kampung Pelambayan yang terletak 7 kilometer dari Bandar Seri Begawan di bawah pentadbiran Mukim Kota Batu. Untuk sampai ke kampung ini hanyalah memakan masa kira-kira 15 minit sahaja dengan menggunakan kenderaan.

Kampung Pelambayan ditadbir oleh Awang Haji Hanipah bin Begawan Pehin Udana Khatib Haji Junit sebagai Ketua Kampung sejak 1 Jun 2006. Seramai 792 orang penduduk kampung bermastautin di kampung tersebut yang mempunyai keluasan 0.5924. Penduduk Kampung Pelambayan membina rumah-rumah di pesisiran tebing Sungai Brunei dan sebahagiannya lagi di kawasan darat yang dipisahkan oleh Jalan Kota Batu.

Menurut cerita yang dituturkan, nama asal kampung ini adalah dari perkataan 'melimbai' yang bermaksud sebuah perahu apabila dikayuh, sama ada pada waktu air pasang atau surut maka perahu itu akan melimbai ke tepi disebabkan oleh hambatan air yang deras. Penduduk kampung yang tinggal di pesisiran Sungai Brunei ketika mudik dan hilir dari bandar, perahu yang mereka naiki akan



MENURUT Ketua Kampung Pelambayan, Awang Haji Hanipah bin Begawan Pehin Udana Khatib Haji Junit, pasukan hadrah ini sering mendapat undangan untuk majlis-majlis perkahwinan dan tidak ketinggalan acara-acara kerajaan negara. Ujar beliau lagi, harga yang dikenakan bagi Perkhidmatan Hadrah adalah sebanyak BND200.

melimbai ke siring apabila menempuh arus yang kuat. Dari kejadian tersebut, maka terungkaplah perkataan 'Pelambayan' dan akhirnya kampung tersebut digelar sebagai Kampung Pelambayan.

Produk Kampung

Kampung Pelambayan melalui Majlis Perundingan Kampung berkenaan memainkan peranan aktif dalam menggerakkan program-program dalam bidang perekonomian untuk mendukung merealisasikan 'Satu Kampung Satu Produk'. Sebagai badan pergerakan akar umbi dan kemasyarakatan, MPK Kampung Pelambayan sebagai pendukung dan tonggak pada institusi ini telah dapat merangsang ke arah usaha-usaha menjana perekonomian kampung.

Antara produk yang giat

diusahakan oleh Kampung Pelambayan ialah Perkhidmatan Hadrah. Pasukan Hadrah MPK Kampung Pelambayan dianggotai oleh belia-belia seramai 20 orang dan ditubuhkan pada 1 Oktober 2010. Menurut Ketua Kampung Pelambayan, Awang Haji Hanipah bin Begawan Pehin Udana Khatib Haji Junit, pasukan hadrah ini sering mendapat undangan untuk majlis-majlis perkahwinan dan tidak ketinggalan acara-acara kerajaan negara. Ujar beliau lagi, harga yang dikenakan bagi Perkhidmatan Hadrah adalah sebanyak BND200. Di samping itu, pasukan ini juga menyediakan Perkhidmatan Mengangkat Gangsa Menghantar Berian dan Mas Kahwin dengan bayaran yang sama.

Di samping itu juga, penduduk

di kampung ini giat mengusahakan pembuatan pelbagai jenis kuih-muih tradisional dan moden yang diusahakan oleh orang-orang persendirian seperti Kuih Kusui, Tat, Kuih Penyaram, Pulut Panggang, Karipap, Tapai dan sebagainya. Kuih-muih tersebut mendapat sambutan yang memberangsangkan daripada banyaknya tempahan orang ramai lebih-lebih lagi di zaman serba canggih ini perniagaan melalui dalam talian menyumbang pada memudahkan sistem jual beli di antara peniaga dan pelanggan.

Kampung Pelambayan juga melahirkan beberapa pengusaha yang berjaya dalam pembuatan keropok ikan, keropok sotong dalam lain-lain yang diusahakan oleh Syarikat Haji Nokman

bin Pengarah Haji Basi dan Anak-Anak. Produk-produk syarikat tersebut banyak didapati dipasarkan dalam pasar raya dan kedai-kedai, bukan sahaja di Daerah Brunei dan Muara, malah di daerah-daerah yang lain.

Penutup

Kejayaan, kemajuan dan kecemerlangan sesebuah kampung terletak pada sejauh mana kepimpinan kampung itu sendiri. Jika kepimpinan itu baik dan maju pasti kesannya juga akan membuahkan kebaikan dan kemajuan. Amalan kerjasama, semangat bergotong-royong dan berinisiatif adalah menjadi amalan penduduk Kampung Pelambayan dan tentunya melahirkan masyarakat yang harmoni serta bersatu padu, kreatif juga produktif.



PENDUDUK Kampung Pelambayan ini juga giat mengusahakan pembuatan pelbagai jenis kuih-muih tradisional dan moden.

Pencak Silat seni budaya warisan orang Brunei



MENTERI Kebudayaan, Belia dan Sukan, Yang Berhormat Pehin Datu Lailaraja Mejar Jeneral (B) Dato Paduka Seri Haji Awang Halbi bin Haji Mohd. Yussof (depan, tengah) semasa hadir selaku tetamu kehormat pada Majlis Penutup Festival Seni Pencak Silat.

BANDAR SERI BEGAWAN, Yang Berhormat Pehin Datu Lailaraja Mejar Jeneral (B) Dato Paduka Seri Haji Awang Halbi bin Haji Mohd. Yussof berkata, Pertandingan Silat Kebangsaan telah meningkat menjadi Festival

Seni Pencak Silat dengan tujuan untuk menghayati seni budaya warisan orang Brunei yang masih lagi disimpan dan dipelihara oleh orang-orang tua.

"Warisan ini diturunkan kepada anak-anak muda generasi belia, supaya tidak luput dan tidak dicuakan dan diubah-ubah seni keasliannya," jelas Yang Berhormat pada Majlis Penutup Festival Seni Pencak Silat sempena Sambutan Jubli Emas

MAJLIS Penutup Festival Seni Pencak Silat sempena Sambutan Jubli Emas Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam Menaiki Takhta yang berlangsung di Stadium Tertutup, Kompleks Sukan Negara Hassanal Bolkiah.

Oleh : Saerah Haji Abdul Ghani
Foto : Dk. Nur Hafilah
Pg. Osman

Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam Menaiki Takhta berlangsung di Stadium Tertutup, Kompleks Sukan Negara Hassanal Bolkiah, di sini.

Terdahulu, Yang Berhormat juga mengambil maklum terhadap latar belakang Persekutuan Pencak Silat Kebangsaan Brunei Darussalam (PERSIB) ini yang kini melewati usia tiga dekad, berusia 31 tahun ini ditubuhkan dan didaftarkan dengan Pendaftaran Pertubuhan Brunei Darussalam pada 30 Disember 1986 dan berdaftar dengan Persekutuan Pencak Silat Antarabangsa (PERSILAT) pada 25 Ogos 1988 serta merupakan Ahli 4 Negara Pendiri bersama-sama dengan Republik Indonesia (IPSI), Negara Malaysia (PESAKA) dan Republik Singapura (PERSISI).

"Juga difahamkan, tujuan tertubuhnya Persekutuan PERSIB ialah untuk menyatupadukan dan mengeratkan hubungan semua badan silat, mahupun di dalam dan luar negeri, di samping meningkatkan, memajukan dan membangun serta mengembangkan seni silat ke peringkat antarabangsa," tambah Yang Berhormat.



Cawangan 'A' johan terbaik keseluruhan



PESURUHJAYA Polis, Dato Paduka Seri Awang Haji Mohd. Jammy bin Haji Muhd. Shah Al-Islam (kanan) merasmikan Kejohanan Sukan Olahraga di antara Cawangan Pasukan Polis Diraja Brunei (PDB) Ke-31 Tahun 2017.



SALAH satu acara sukan olahraga yang dipertandingkan.

BANDAR SERI BEGAWAN, Khamis, 30 November. - Cawangan 'A' menjuarai Kejohanan Sukan Olahraga di antara Cawangan Pasukan Polis Diraja Brunei (PDB) Ke-31 Tahun 2017 dengan mengumpul lapan pingat emas, lima perak dan empat gangsa, sekali gus diumumkan sebagai johan Cawangan Terbaik Keseluruhan.

Naib johan disandang oleh Cawangan 'B' yang telah berjaya mengumpul tujuh pingat emas, lima perak dan enam gangsa, manakala tempat ketiga ialah Cawangan 'E' memperoleh pungutan lima emas, dua perak dan dua gangsa.

Hadir selaku tetamu kehormat pada kejohanan yang berlangsung di Stadium Hassanal Bolkiah, Ibu Pejabat Polis Gadong, di sini ialah Pesuruhjaya Polis, Dato Paduka Seri Awang Haji Mohd. Jammy bin Haji Muhd. Shah Al-Islam.

Sementara itu, acara perbarisan lalu dijuarai oleh Cawangan 'E', tempat kedua disandang oleh Cawangan 'A' diikuti Cawangan 'B' di tempat ketiga.

S/SGT. 2765 Awang Mohd. Nadrin dari Cawangan 'D' berjaya mengumpul dua emas dan diumumkan sebagai penerima Piala Olahragawan Tahun 2017, manakala W/SGT. 2971 Dayang Juliana binti Haji Kassim dari Cawangan 'A' berjaya mengumpul empat emas dan satu perak sekali

Oleh : Saerah Haji Abdul Ghani
Foto : Muhammad Asri Haji Awang Abas

gus diumumkan sebagai penerima Piala Olahragawati Tahun 2017.

Piala Atlet Terbaik Lelaki Keseluruhan Majlis Sukan PDB (MS PDB) diberikan kepada KPL. 3725 Awang Shahrani bin Ibrahim dari Cawangan 'B', manakala W/SGT. 2971 Dayang Juliana menerima Piala Atlet Terbaik Wanita Keseluruhan MS PDB dan Pemecah Rekod MS PDB pula ialah W/SGT. 2957 Dayang Alinawati binti Haji Aliakhbar dari Cawangan 'B'.

Seramai 197 ahli pegawai PDB, iaitu 150 atlet lelaki dan 47 atlet wanita menyertai

kejohanan yang mempertandingkan sebanyak 72 pingat.

Aturcara kejohanan dimulakan dengan perbarisan lalu lima cawangan yang bertanding, iaitu Cawangan 'A', 'B', 'C', 'D' dan 'E', di mana perbarisan lalu diketuai oleh ASP Awang Wan Firdaus bin Haji Amiruddin.

Pada tahun ini, sebanyak 24 acara sukan balapan dan padang terbuka dipertandingkan.

Adapun tujuan utama kejohanan diadakan ialah bagi mengeratkan hubungan silaturahim dan keakraban dalam kalangan anggota-anggota PDB.



ANTARA yang hadir menyaksikan kejohanan tersebut.

Sukan

INFO SUKAN

MENEMBAK merupakan sukan kompetitif membabitkan ujian ke atas ketepatan dan kepantasan menggunakan pelbagai jenis senjata seperti senapang dan senapang patah. Sukan menembak dibahagikan mengikut senjata, sasaran dan jarak dari mana sasaran ditembak.



ePaper Pelita Brunei

MS ABDB juara keseluruhan Festival Seni Pencak Silat



MENTERI Kebudayaan, Belia dan Sukan, Yang Berhormat Pehin Datu Lailaraja Mejar Jeneral (B) Dato Paduka Seri Haji Awang Halbi bin Haji Mohd. Yusof menyampaikan hadiah kepada juara Acara Solo Adunan Silat Cakak Asli dan Kuntau, iaitu pesilat Pencak Silat MS ABDB (kiri). Sementara gambar kanan, Yang Berhormat bergambar bersama pemenang keseluruhan tempat pertama, iaitu Pencak Silat MS ABDB.

Oleh : Saerah Haji Abdul Ghani
Foto : Dk. Nur Hafilah Pg. Osman

BANDAR SERI BEGAWAN, Rabu, 29 November. - Pencak Silat Majlis Sukan Angkatan Bersenjata Diraja Brunei (MS ABDB) menjuarai keseluruhan pertandingan Festival Seni Pencak Silat yang berlangsung di Stadium Tertutup, Kompleks Sukan Negara Hassanal Bolkiah, Berakas.

Naib juara disandang oleh Pertubuhan Gagak Hitam manakala Perguruan Seni Pencak Silat Gerak 41 menduduki tempat ketiga.

Hadir selaku tetamu kehormat dan menyempurnakan penyampaian hadiah kepada para pemenang ialah Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, Yang Berhormat Pehin Datu Lailaraja Mejar Jeneral (B) Dato Paduka Seri Haji Awang Halbi bin Haji Mohd. Yusof pada Majlis Penutup Festival Seni Pencak Silat sempena Sambutan Jubli Emas 50 Tahun Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara

Brunei Darussalam Menaiki Takhta.

Bagi Acara Solo Adunan Silat Cakak Asli dan Kuntau, pesilat Pencak Silat MS ABDB memenangi dalam kekayaan teknik, sementara pesilat Seni Silat Cakak Benteng Betawi pula memenangi dalam Pakaian Tercantik.

Acara Berpasangan Silat Cakak Asli Putera dalam kekayaan teknik dan pakaian tercantik dimenangi oleh pesilat Pencak Silat MS ABDB.

Sementara, pesilat-pesilat Perguruan Seni Silat Gerak 41 pula memenangi kekayaan teknik dalam Acara Berpasangan Silat Melayu Kuntau Putera dan

pesilat-pesilat Pertubuhan Gagak Hitam pula memenangi pakaian tercantik.

Pesilat Pencak Silat MS ABDB juga memenangi kekayaan teknik dan Pakaian Tercantik bagi Acara Ganda Antarabangsa Putera manakala bagi Acara Ganda Antarabangsa Puteri dalam kekayaan teknik dimenangi oleh pesilat-pesilat Perguruan Persilatan Panca Sukma dan Pesilat Pertubuhan Seni Warisan Pelangi pula sebagai pemenang Pakaian Tercantik.

Bagi Acara Berkelompok Putera dan Puteri dalam kekayaan teknik dimenangi oleh pesilat-pesilat Pencak Silat MS ABDB sementara

pesilat-pesilat Pertubuhan Seni Warisan Pelangi memenangi Pakaian Tercantik.

Pertubuhan Gagak Hitam juga diumumkan sebagai pemenang Koreografi dan persembahan muzik diberikan kepada Awang Ahmad bin Ismail dari Pertubuhan Seni Warisan Pelangi.

Majlis diakhiri dengan upacara perbarisan para kontinjen dan mengarak keris yang diketuai oleh Ketua Pertandingan, Awang Adanan bin Ahad yang seterusnya menyerahkan keris kepada tetamu kehormat untuk disarungkan kembali keris bagi pengisytiharan menutup rasmi upacara festival tersebut.



YANG Berhormat Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan bergambar bersama pemenang keseluruhan tempat kedua yang diraih oleh Pertubuhan Gagak Hitam.

Tahukah Awda

PADA tahun 1993, Unit Alam Sekitar di bawah Kementerian Pembangunan ditubuhkan untuk berkhidmat sebagai urus setia kepada Jawatankuasa Kebangsaan mengenai Alam Sekitar dan menyelaras hal-hal berkaitan alam sekitar.

Dengan persetujuan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, Jabatan Perdana Menteri telah mengumumkan bahawa Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, telah memperkenankan penubuhan Jabatan Alam Sekitar, Taman dan Rekreasi (JASTRe) di bawah Kementerian Pembangunan, di mana jabatan ini juga akan bertanggungjawab terhadap isu-isu landskap dan penyelenggaraan kawasan-kawasan taman dan rekreasi di negara ini.

Penubuhan JASTRe berkuat kuasa pada 1 Mei 2002. Pada masa ini, jabatan ini mengendalikan hal-hal yang berkaitan dengan Pengurusan Sisa Buangan, Pemuliharaan dan Pengurusan Alam Sekitar, Pengurusan Landskap dan Kawasan-kawasan Rekreasi juga Kerjasama Alam Sekitar di peringkat negara, dua hala, serantau dan antarabangsa.

SUMBER : Laman sesawang JASTRe, <http://www.env.gov.bn>.

BERITA-BERITA HARIAN BOLEH DIKUTI DI LAMAN SESAWANG : www.pelitabrunei.gov.bn

ALLAH TIDAK MENGHAMPAKAN SESIAPA JUA YANG BEKERJA UNTUK KEADILAN

دتریتکن اوله جباتن فتراغن، جباتن فردان منتری دان دجیتق اوله جباتن فرجیتقن کراجان، نگارا برونی دارالسلام.

Diterbitkan oleh Jabatan Penerangan, Jabatan Perdana Menteri dan dicetak oleh Jabatan Percetakan Kerajaan, Negara Brunei Darussalam.